

Jilid I
Bil. 74



Hari Khamis
11hb Oktober, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8059]**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

Kenaikan Pangkat Guru dan Guru Besar [Ruangan 8091]

**PENERANGAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 14 (1) (i) [Ruangan 8094]**

**PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. TUAN LEE KAW DI BAWAH
PERATURAN 14 (1) (i) [Ruangan 8095]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) [Ruangan
8097]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K., S.P.M.J. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jejebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.,T. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D., (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Teluk Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SERI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P., (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S. A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K. J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN, (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P. P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb Oktober, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

LAWATAN PERDANA MENTERI KE
KOREA SELATAN

1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau baru-baru ini ke Korea Selatan dan apakah yang telah dibincangkan dalam lawatan itu.

Perdana Menteri (Dato Hussain Onn): Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke Republik Korea pada 16hb hingga 20hb Julai tahun ini, adalah atas jemputan Kerajaan negara itu, yang bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan kerjasama antara negara itu dengan Malaysia. Semasa lawatan itu, saya telah mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Republik Korea, termasuk Presiden Park Chung Hee dan Perdana Menteri Choi Kyu Hah. Perbincangan itu telah menyentuh perkara-perkara yang berikut:

(a) Dalam hubungan perdagangan, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalankan usaha-usaha yang boleh menambahkan lagi perdagangan dua hala. Malaysia telah meminta Republik Korea menambahkan pembelian bahan-bahan mentah daripada Malaysia secara langsung, terutamanya getah. Pada masa ini, sejumlah besar getah yang dibeli oleh Republik Korea adalah melalui negara ketiga. Dengan adanya perdagangan secara langsung, ianya akan memberi faedah yang lebih kepada kedua-dua negara.

(b) Dalam usaha menggalakkan penggunaan minyak kelapa sawit di Republik Korea, Malaysia bersedia menawarkan teknologi berkenaan dengannya sebagai bahan minyak makanan.

(c) Dalam bidang kerjasama ekonomi, Malaysia meminta pihak Republik Korea menambahkan penyertaan usahasama dalam perusahaan-perusahaan berasaskan pertanian. Saya telah melahirkan rasa puashati Kerajaan Malaysia atas kejayaan-kejayaan usahasama di antara kedua-dua buah negara, dan ini termasuklah projek-projek pembangunan. Saya telah juga menjemput lebih banyak penyertaan yang aktif dari pihak Republik Korea dalam projek-projek pembangunan di Malaysia. Perdana Menteri telah memberitahu bahawa Kerajaan Korea akan terus memberi galakan terhadap penyertaan seumpama itu oleh pihak swasta Korea.

(d) Malaysia juga telah membincangkan perkara mengenai bantuan teknikal dalam usaha menanam semula hutan-hutan di Malaysia.

Saya telah mengambil peluang untuk memaklumkan kepada Presiden Park Chung Hee, Perdana Menteri Choi Kyu Hah dan pemimpin-pemimpin Republik Korea yang lain, tentang masalah yang dihadapi oleh Malaysia akibat pembanjaran pendatang-pendatang haram dari Vietnam dan seterusnya usaha-usaha yang diambil oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain untuk mengatasi masalah ini.

Melalui lawatan itu, saya juga berpeluang untuk melihat keadaan pembangunan Republik itu dengan lebih dekat lagi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Republik Korea adalah sebuah negara yang sedang membangun dengan

pesatnya, dan kemajuannya di bidang pertanian serta rancangan luarbandar boleh menjadi contoh yang baik untuk diikuti oleh negara kita.

Kesimpulannya, lawatan saya itu adalah sangat berfaedah. Selain daripada mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara, ianya juga membuka jalan ke arah menambahkan lagi perdagangan dua hala serta kerjasama ekonomi dan teknikal di masa-masa hadapan.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu sama ada dalam perbincangan-perbincangan yang diadakan oleh Yang Amat Berhormat dengan pemimpin-pemimpin Korea Selatan perkara tentang penyatuan Korea Selatan dengan Korea Utara dibincangkan dan apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap perkara ini.

Perdana Menteri: Saya tidak bangkitkan perkara itu, tetapi pihak Republik Korea telah menyebut tentangnya. Saya telah memaklumkan tentang pendirian Malaysia, iaitu, kita sentiasa berharap masalah dua negara itu dapat diselesaikan dengan aman dan damai.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat dalam perbincangan beliau ada juga menyentuh soal pelarian Vietnam yang berlaku sekarang ini. Adakah pihak Korea Selatan bercadang untuk menerima pelarian-pelarian itu ataupun apakah cara bagi membantu Malaysia dalam menghadapi masalah tersebut?

Perdana Menteri: Perdana Menteri Korea Selatan telah memberitahu saya iaitu di negaranya pun ada orang-orang pelarian yang diterima oleh negara itu. Oleh kerana Korea Selatan telah menerima beberapa bilangan orang pelarian dari Vietnam maka pada masa ini dan pada masa yang akan datang Kerajaan itu akan hanya memberi bantuan secara kewangan dalam masalah ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penglihatan Yang Amat Berhormat oleh kerana Malaysia dan Korea Selatan ini adalah keduanya negeri sedang membangun, mana lebih maju ataupun mana lebih berjaya pembangunannya di antara Malaysia dan Korea Selatan ini.

Yang keduanya, dalam jawapan Yang Amat Berhormat tadi menyatakan patut kita mengambil contoh dalam banyak segi. Dapatkah Yang Amat Berhormat menyatakan dalam bidang apakah yang patut kita mengambil contoh dalam membina membangunkan Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sukar bagi saya hendak memberi bandingan kemajuan di bidang pembangunan antara Malaysia dan Korea Selatan. Pembangunan di Malaysia tidak kurang daripada peringkat pembangunan di Korea, tetapi ada bidang-bidang tertentu di mana Korea lebih maju daripada negara kita. Ada rancangan-rancangan yang mana kita boleh jadikan contoh, seperti rancangan luar bandarnya yang saya sebutkan, dan begitu juga dengan rancangan tanaman semula hutan. Ini adalah contoh perkara-perkara yang boleh digunakan untuk dijadikan panduan kepada kita.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Amat Berhormat. Adakah harapan bahawa harga bahan mentah seperti getah dan minyak kelapa sawit lebih tinggi harga penjualannya dengan tidak melalui negara ketiga?

Perdana Menteri: Kalau penjualan dapat dibuat secara langsung tentulah ianya akan memberi faedah dan harganya tentu akan lebih baik daripada keadaan di mana bahan-bahan itu dijual atau dibeli melalui negara yang ketiga.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kemajuan dalam rancangan luar bandar di Korea. Adakah di antara sebab-sebab yang penting daripada kejayaan itu kerana Korea Selatan dapat menghadkan campurtangan yang berlebihan daripada ahli-ahli politik dan lebih bergantung kepada pandangan daripada pakar-pakar dalam bidang-bidang yang tertentu? Adakah cara yang demikian akan dicontohi di Malaysia ini kerana kita dapati bahawa salah satu halangan yang terbesar daripada pembangunan luar bandar di negara kita ialah kerana campurtangan berlebihan daripada ahli-ahli politik sehingga menyulitkan pakar-pakar dan pegawai-pegawai untuk menjalankan rancangan-rancangan secara yang teratur dan tersusun?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini kalau hendak ditolak boleh di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (h) (i) (k) tetapi jikalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menjawabnya?

Perdana Menteri: Tidak payah.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang ada dibincangkan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin Korea Selatan di bidang kebudayaan (culture), adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanya kepada Korea Selatan membuka pintu-pintu universiti di sana untuk pelajar-pelajar di sini sebab kita pun tahu di semua negara pintu-pintu universiti ada terhad sekarang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, agaknya Ahli Yang Berhormat itu maksudkan peluang kita menghantar penuntut-penuntut kita ke universiti di sana. Perkara itu tidak saya bangkitkan oleh kerana Kerajaan tidaklah bercadang menghantar atau menggalakkan penuntut-penuntut kita ke negara itu.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE MOSCOW

2. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatannya ke Moscow baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke Soviet Union baru-baru ini adalah lawatan muhibbah atas jemputan Kerajaan Negara itu. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah menjadi dasar kita untuk mengadakan perhubungan yang seimbang dan sama rata dengan kuasa-kuasa besar. Pada tahun 1977 saya telah melawat Amerika Syarikat, dan dalam tahun ini saya telah juga melawat Republik Rakyat China.

Dalam lawatan ke Soviet Union, saya telah menemui dan berbincang dengan Presiden Presidium, Tuan Brezhnev dan Perdana Menteri Kosygin serta pemimpin-pemimpin Soviet yang lain. Diperjumpaan itu, saya memaklumkan kepada mereka perkara-perkara berikut:

- (a) kebimbangan kita terhadap keadaan di Indo-China yang mana, sekiranya tidak diselesaikan dengan segera, akan memburukkan lagi dan akan menggugat

keamanan dan kestabilan di rantau ini. Saya telah menekankan kepada mereka bahawa Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain, adalah benar-benar tidak mahu mencampurtangan dalam persengketaan di kawasan itu dan memberi perhatian berat terhadap usaha-usaha untuk menyelesaikan persengketaan itu berasaskan kepada prinsip menghormati kebebasan, kedaulatan, kejujuran dan tidak campurtangan. Dalam hubungan ini, saya telah mencadangkan supaya Soviet Union sebagai sebuah kuasa besar, menggunakan jasa baiknya bagi menyelesaikan persengketaan di Indo-China itu;

- (b) masalah-masalah yang timbul daripada pendatang-pendatang haram dari Vietnam;
- (c) usaha positif negara-negara ASEAN dari segi kerjasama serantau dan usah-usahanya ke arah mengujudkan kestabilan dan keamanan serantau termasuk cadangan menjadikan wilayah ini kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali.

Di samping itu, dari segi perdagangan, satu perjumpaan telah diadakan di antara Timbalan Menteri Perdagangan Luar USSR dengan pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Perusahaan Utama. Di dalam perjumpaan itu, kedua-dua belah pihak telah menyatakan keinginan mereka untuk menambahkan lagi perdagangan dua hala. Pihak USSR telah menyatakan bahawa mereka akan terus membeli getah dan minyak kelapa sawit dengan lebih banyak lagi dan meminta agar pihak Malaysia membeli lebih banyak lagi barang-barang buatan kilang dari USSR.

Kita akan meneliti cara-cara menambahkan perdagangan dua hala dengan mengadakan rundingan-rundingan susulan. Sementara itu, Timbalan Menteri Luar USSR dijangka akan melawat Malaysia pada awal tahun hadapan untuk meneruskan perbincangan lanjut dengan pihak kita.

Pada keseluruhannya saya berpuashati dengan hasil lawatan saya itu. Kedua-dua belah pihak telah memperolehi persefahaman yang baik dan menghormati pendapat kedua belah pihak. Lawatan itu telah memberi kesempatan kepada Malaysia menambahkan peluang-peluang perdagangan dengan USSR

di samping menunjukkan sikap berkecuali Malaysia dan ASEAN terhadap perhubungan dengan kuasa-kuasa besar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, dalam pertemuan beliau dengan pemimpin-pemimpin Soviet, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membangkitkan masalah tentang perkembangan tentera laut Soviet di rantai Asia dan adakah beliau menyampaikan kepada tokoh-tokoh Soviet kebimbangan Malaysia terhadap perkembangan Soviet ini yang boleh mengancam kedamaian dan kestabilan di Asia dan jika Yang Amat Berhormat ada membangkitkan hal ini, bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini apakah yang telah dibincangkan.

Perdana Menteri: Saya tidak secara tepat membangkitkan perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya ada mengemukakan pandangan tentang perkembangan kita atas campurtangan kuasa besar di rantau ini.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini bahawa apakah sebabnya Malaysia hendak minta jaminan daripada Soviet Union untuk menjamin bahawa Vietnam tidak akan menyerang atau campurtangan hal ehwal dalam negeri Thai. Adakah ini bererti bahawa Malaysia mengakui Soviet Union adalah sebagai big brother yang mempelupuri Vietnam. Kalau tidak maka apakah sebabnya Malaysia tidak meminta secara langsung jaminan dari Vietnam supaya negara-negara ASEAN tidak diserangi oleh Vietnam memandangkan pergolakan politik baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar berkenaan dengan lawatan ke Soviet, Menenangkan kekeliruan tidak mengapa.

Perdana menteri: Ahli Yang Berhormat itu terkeliru. Saya tidak meminta jaminan daripada Soviet Union. Jaminan itu diberi oleh Ketua Presidium, Mr Brezhnev kepada saya dan minta saya sampaikan jaminan itu kepada rakan-rakan ASEAN saya.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa ada berbagai perkara yang dibincangkan termasuk tentang

keadaan di Indo-China. Saya ingin tahu sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta pemimpin-pemimpin Soviet yang sudahpun diketahui bahawa telah menyokong Vietnam dalam beberapa hal yang berlaku di dalam kawasan Indo-China baru-baru ini dalam beberapa tahun yang lampau meminta supaya pemimpin-pemimpin Soviet menggunakan pengaruhnya untuk meminta Vietnam menarik balik semua tentera-tentera yang berada di Kampuchea sebagai satu jalan untuk menyelesaikan masalah di Kampuchea.

Kedua, sama ada pihak Soviet yang telah melaung-laungkan Sistem Keselamatan Bersama Asia (Asian Collective Security System) sama ada perkara ini dibangkitkan oleh Soviet supaya mendapat sokongan daripada Malaysia dan sekiranya ada, apakah baik buruknya sistem ini dan apakah pendirian Malaysia terhadap cadangan yang dibuat oleh Russia.

Perdana Menteri: Saya memberitakan pemimpin-pemimpin Soviet Union, iaitu Mr Brezhnev dan Mr Kosygin mengenai pandangan ASEAN supaya negara-negara asing mengundurkan tenteranya dari negeri atau negara di Indo-China. Itulah maksud saya bila saya mencadangkan kepada Soviet Union supaya mengambil bahagian atau berikhtiar memberi jasa baiknya mencari jalan menyelesaikan dengan cara aman masalah di Indo-China itu. Itulah maksud saya supaya Soviet Union dapat mempengaruhi ataupun menasihatkan Vietnam mendapat penyelesaian berkenaan masalah di Kampuchea, Indo-China dan Vietnam.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada timbul di dalam perbincangan-perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Soviet itu mengenai reaksi Soviet Union terhadap pendirian kita di dalam persidangan di Havana yang mana kita lebih memihak kepada suatu pihak daripada golongan-golongan yang bersengkita dan sejauh manakah pihak Russia dapat memahami pendirian kita dan apakah kaitan sikap Russia itu terhadap jaminan yang diberikan kepada Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Soviet tidak membangkitkan perkara yang berlaku di Persidangan

Negara-negara Berkecuali di Havana dan saya pun tidak membangkitkan perkara itu dengan pemimpin-pemimpin Soviet.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi saya ada meminta tentang apakah issue mengenai Sistem Keselamatan Bersama Asia (Asian Collective Security System) dibangkitkan oleh Russia juga dalam perbincangan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpinnya dan jika ada, apakah baik buruknya sistem ini dan apakah pendirian Malaysia dalam hal ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan juga berkenaan dengan konsep ASEAN iaitu menjadikan kawasan ini Kawasan Bebas dan Berkecuali dan pemimpin-pemimpin Soviet Union telah memberitahu saya bahawa mereka faham benar dengan konsep itu. Tetapi sehingga hari ini Soviet Union tidak berterus terang mengatakan yang mereka menyokong konsep ASEAN, iaitu, konsep Zone of Peace, Freedom and Neutrality.

PETRONAS—BEKALAN DIESEL

3. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh PETRONAS bagi menentukan bekalan disel yang mencukupi pada bila-bila masa dan berapa buah stesyen telah dibuka dan dikendalikan oleh PETRONAS hingga kini bagi menjual disel secara runcit, serta memberikan butir-butir di mana stesyen-stesyen ini ditempatkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada matlamat PETRONAS ialah untuk memastikan yang pasaran tempatan dibekalkan dengan barang-barang keluaran petrolium dengan harga yang berpatutan. Apabila kekurangan disel dan minyak tanah bertambah buruk pada bulan Jun, 1979, PETRONAS telah masuk ke pasaran tempatan dengan membuka stesyen-stesyen disel dan minyak tanah sendiri di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Sejak itu, lebih banyak lagi stesyen-stesyen telah dibuka di kawasan-kawasan lain. Pada masa ini, PETRONAS mempunyai 11 buah stesyen menjual disel dan minyak tanah seperti berikut:

- (a) 5 buah di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya;
- (b) 2 buah di Johor Bharu;

(c) 2 buah di Melaka;

(d) 1 buah di Kota Bharu dan

(e) 1 buah di Trengganu.

PETRONAS juga membekalkan Majuikan, LLN dan beberapa pengguna-pengguna industri lain. Walaupun PETRONAS baharu sahaja memasuki pasaran tempatan, jumlah jualan diselnya adalah hampir kepada 10% daripada jumlah penggunaan minyak disel negara. PETRONAS masih lagi merancang untuk menambahkan aktiviti-aktiviti pemasaran dan memberi sumbangan ke arah pembekalan minyak disel yang cukup dalam negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat apakah garis panduan yang diambil oleh PETRONAS sebelum ia membuka sebuah stesyen minyak di tempat yang berkenaan.

Perdana Menteri: Saya tak faham apa garis panduan, macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Kreterianya barangkali.

Tuan Lee Lam Thye: Kreteria atau guidelines.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat hendaklah maklum bahawa kemampuan PETRONAS dalam membuka stesyen itu tentulah terhad dan panduannya ialah stesyen-stesyen disel dibuka di tempat-tempat yang sangat berkehendakkan bekalan minyak disel dan minyak tanah. Itulah panduannya kalau saya faham maksud Ahli Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya PETRONAS membuka stesyen minyak itu di bandar-bandar besar, sebagaimana Yang Amat Berhormat menyatakan tadi di Melaka, Johor Bharu, Kuala Lumpur dan Kota Bharu. Tetapi di negeri Trengganu tidak ada, tetapi ditempatkan di Kuala Besut ataupun Jerneh, dan kebetulan waktu bubuh tank itu waktu pilihanraya kecil. Jadi apakah sebabnya di pacak di Jerneh dan tidak diadakan stesyen PETRONAS itu di Kuala Trengganu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi bahawa sebuah stesyen adalah ditempatkan di Trengganu, dan tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya tidak dapat memberi maklumatnya. Kalau diberi notis saya akan menyiasesat tentang perkara itu.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa Besut itu adalah merupakan sebuah bandar nelayan di mana mempunyai ramai nelayan dan nelayan di sana telah lama mengalami kekurangan disel. Jadi masalah PETRONAS mendirikan pam minyak disel di Jerteh itu adalah merupakan satu perkara yang kebetulan sahaja dengan peristiwa Pilihanraya kecil di Kuala Besut.

Tuan Yang di-Pertua: Sedar atau tak sedar?

Perdana Menteri: Saya sedar (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh sebab kekurangan minyak disel menjadi isu politik dan kempen orang-orang PAS kepada nelayan Kuala Besut, ini menjadi satu sebab Kerajaan hendak menubuhkan stesyen minyak PETRONAS di Jerteh?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Soalnya adakah disebabkan oleh kekurangan disel itu menjadi isu yang besar oleh ahli-ahli politik PAS yang menjalankan kempen pilihanraya pada masa itu menyebabkan stesyen itu dibuat di Kuala Besut?

Tuan Yang di-Pertua: Tak sedar perkara ini?

Perdana Menteri: Saya tak sedar (*Ketawa*).

Tuan Chan Teck Chan: Disebabkan Malaysia selalu diganggu, diancam dan ditekan oleh syarikat-syarikat minyak asing untuk menuntut harga yang tinggi atas pengeluaran minyaknya, bilakah Kerajaan Malaysia melalui PETRONAS untuk meng-hakmilik negarakan perusahaan minyak di Malaysia supaya pengeluaran minyak di

Malaysia boleh dijamin dan juga kestabilan ekonomi Malaysia boleh dijamin pada masa yang akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di dalam pandangan dan rancangan PETRONAS, saya belum dapat memberi jawapan dengan tepatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam rancangan cukuplah.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkan diterangkan masanya?

Perdana Menteri: Saya tidaklah dapat memberitahu tentang masa yang tetap, tetapi perkara itu adalah dalam pandangan dan rancangan kita.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Sewaktu PETRONAS membuka stesyen-stesyen minyak di seluruh negara hari ini apakah satu jaminan yang telah dibuat oleh PETRONAS bahawa minyaknya itu tidak disalahgunakan oleh penjual kerana sekadar resit yang dikeluarkan hari ini, maka resit itu boleh dibuat-buat nombor keretanya dengan tidak disedari oleh pihak atasan.

Perdana Menteri: Untuk menentukan bahawa minyak disel yang dijual itu pergi ke tangan orang yang benar-benar hendak menggunakannya, maka cara memberi resit adalah suatu ikhtiar untuk menjamin yang minyak itu tidak disalahgunakan. Kalau didapati minyak yang dijual itu disalahgunakan, maka kami akan ambil tindakan. Kita berharap dapat kerjasama daripada orang ramai dalam hal ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu PETRONAS ada menjual minyak disel kepada negeri Thai, mengapakah Kerajaan membenarkan penjualan ini sedangkan kita ada menghadapi masalah kekurangan disel?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa ada satu soalan yang berhubung dengan ini pada hari lain, tetapi kalau Yang Amat Berhormat hendak menjawab.

Tuan Au How Cheong: Setakat ini kita hanya mendapat penjelasan tentang pengedaran disel, tetapi saya hendak bertanya

sama ada PETRONAS dapat menapis sendiri (refinery) ataupun PETRONAS dapat bekalan disel dari sumber yang sama juga. Jadi saya ingin hendak bertanya refinery itu dapatkah mengeluarkan disel yang mencukupi untuk diedarkan oleh PETRONAS ataupun pengedar—pengedar yang lain?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diberi kepada saya, bekalan dari “refinery” yang ada adalah mencukupi. Tetapi apa yang menjadi masalah kepada syarikat-syarikat ialah penderangan minyak itu kepada pengguna-pengguna.

HARGA SIMEN

4. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula harga simen supaya ada harga seragam “ex-kilang” dan bukan harga runcit yang serupa di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini dan juga soalan yang serupa daripada Ahli Yang Berhormat tersebut pada 16hb Oktober, 1979.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa ini harga simen yang telah ditetapkan di peringkat kilang adalah sebanyak \$6.50 bagi satu beg (50 kg.) Ini adalah harga simen bagi semua kilang di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, Kerajaan telah juga menetapkan harga maksima runcit bagi seluruh Malaysia sebanyak \$8.20 bagi satu beg. Tujuan utama Kerajaan menetapkan harga maksima runcit ialah untuk mengelakkan pengguna-pengguna membayar harga yang lebih tinggi disebabkan dari kos pengangkutan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tujuan Kerajaan menetapkan harga simen pada paras \$8.20 sekampit sebagai harga maksima bagi jualan runcit mulai 15-8-1979 di Semenanjung Malaysia ialah untuk menentukan bahawa pengguna-pengguna tidak dikenakan bayaran yang lebih daripada harga ini apabila membeli simen bagi kegunaan mereka. Penetapan harga ini juga adalah untuk membolehkan Kerajaan menjalankan pengawasan ke atas harga bahan tersebut agar tidak ada mana-mana pihak yang

mengambil peluang untuk membuat keuntungan yang berlebihan. Sebagai yang diketahui umum, sebelum pengumuman harga ini dibuat, terdapat laporan-laporan dan sungutan-sungutan mengenai harga jualan simen yang tidak tetap malahan terdapat di beberapa tempat harga jualan simen yang terlalu tinggi. Oleh hal yang demikian, dengan ujudnya peraturan ini, maka Kerajaan berharap dapat menyamakan harga jualan runcit di Semenanjung.

Sebagai maklumat Ahli Yang Berhormat selanjutnya, harga jualan runcit maksima yang ditetapkan pada paras \$8.20 ini adalah meliputi kos kenderaan yang dikenakan bagi penjualan simen. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal penetapan harga ini Kerajaan sedar tentang adanya aduan-aduan daripada penduduk-penduduk luar bandar yang terpaksa membayar lebih daripada \$8.20 kerana dikenakan bayaran pengangkutan oleh pihak pembekal atau pengedar. Kementerian tidak berdiam diri dalam perkara ini dan untuk menentukan bahawa amalan ini tidak berterusan maka Kementerian telah mengadakan langkah-langkah yang tertentu. Di antara langkah-langkah yang dijalankan bagi menentukan bahawa setiap penjualan simen di Semenanjung Malaysia tidak melebihi daripada harga runcit maksima yang ditetapkan oleh Kerajaan, maka satu peraturan yang dikuatkuasa mulai 1-10-1979 yang mewajibkan setiap penjualan simen disertakan dengan kenyataan-kenyataan penjualan atau “statement of sale” telah dilaksanakan. Di dalam kenyataan penjualan ini butir-butir bersabit dengan nama dan alamat pembeli, nama dan alamat penjual, kuantiti belian yang diperbuat dan harga jualan adalah diwajibkan untuk dicatitkan dan kegagalan mematuhi peraturan ini adalah merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan Kawalan Bekalan 1974. Kenyataan-kenyataan penjualan ini hendaklah disimpan oleh penjual dan pembeli untuk tujuan pemeriksaan.

Dengan adanya peraturan ini, di samping pemeriksaan-pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kementerian maka Kerajaan percaya masalah penjualan simen dengan harga melebihi daripada harga runcit maksima akan dapat dikesan dan dikawal serta pihak-pihak yang menyeleweng akan dikenakan tindakan. Walau bagaimanapun, di dalam melaksanakan pengawasan ini, kerjasama daripada orang ramai, khususnya pengguna-pengguna simen, amat diperlukan untuk mendedahkan penyelewengan ini.

Dato' Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebabnya kilang-kilang simen tidak dibenarkan memberi simen kepada pembeli atau pengguna-pengguna simen ex-factory.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti keputusan yang dibuat oleh Kementerian saya ini kita telah menetapkan harga ex-factory \$6.50 dan kita berharap pengguna-pengguna yang besar seperti kontraktor atau syarikat perumahan boleh membeli simen terus-menerus daripada kilang simen itu, yang saya ketahui kilang simen ini pun telah menjalankan langkah ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu daripada sebab mengapa kenaikan harga simen ini ialah disebabkan harga kos pengangkutan yang kian meningkat dan lebih-lebih lagi dengan sebab kenaikan harga minyak. Jadi soalan saya adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan lebih banyak lagi kilang simen dan tidak hanya ditempatkan di tempat-tempat yang jauh sebagaimana yang ada sekarang ini dan juga sama ada Kementerian bercadang untuk memberikan satu lesen untuk mengeluarkan simen di kawasan selatan Semenanjung.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang mana Kementerian saya telah meluluskan kenaikan harga, bukan sahaja kos pengangkutan telah naik, tetapi kos pengeluaran pun telah naik yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum harga simen \$5.00 satu beg yang ditetapkan pada tahun 1974. Jadi oleh sebab semua kos pengeluaran telah naik maka harga simen pun naik sampai \$6.50.

Berkenaan dengan kilang simen, Kementerian saya telah meluluskan melainkan tiga buah kilang simen yang sedia ada sekarang, dua kilang simen baru, satu di Kuantan, Pahang untuk membekalkan simen ke Pantai Timur dan satu di Perak. Kementerian saya dari masa ke semasa mengkaji permintaan dan kegunaan simen dan kalau perlu kita boleh benarkan lagi kilang simen.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenaikan harga minyak disebabkan kos pengangkutan, jadi kalau begitu adakah Kerajaan bercadang tempat-tempat yang pengangkutannya tidak jauh, misalnya KIMA di Perlis, yang tidak

payah menggunakan pengangkutan sewanya satu kampil 50 sen ataupun \$1.00. Adakah juga harga maksima mesti \$8.20? Perkara itu sekarang berlaku di Perlis. Walaupun kilang simennya dekat tetapi ditetapkan harga maksima. Tidak bolehkah Kerajaan mengkaji semua mengikut zone! saya contohkan narga beras. Harga beras diadakan mengikut zone: Perlis dengan Kedah kerana negeri ini yang mengeluarkan padi. Misalnya, beras nombor satu harganya sekian, tetapi bila sampai di Kuala Lumpur harganya naik sedikit kerana sewa pengangkutan lebih, bila jauh lagi, lebih lagi. Tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang akan menetapkan harga simen sebagaimana yang telah dibuat oleh LPN di atas harga padi itu mengikut zone.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kos pengangkutan ini ialah satu faktor yang diberi pertimbangan untuk menetapkan harga simen, harga simen ditetapkan sebagai \$6.50 satu bag ex-factory. Tetapi sebab kos pengangkutan daripada kilang ke tempat-tempat menggunakan simen ada berbeza dari satu tempat ke satu tempat dan juga pengguna yang jauh daripada kilang simen itu boleh beli simen dengan harga yang tidak lebih pada \$8.20. Jadi, Kementerian saya telah telah menetapkan harga runcit maksima di seluruh Semenanjung Malaysia tidak boleh melebihi pada \$8.20, tetapi ini tidak bermakna yang mana tempat seperti Perlis yang mempunyai satu kilang simen pengguna di Perlis kena bayar \$8.20—itu bukan maksud Kerajaan. Apabila ini diumumkan \$8.20 sebagai satu harga runcit yang maksima, ada banyak kilang simen menganggap harga ini ialah harga standard bagi seluruh Malaysia. Jadi, kekeliruan ini telah dijelaskan dan pada masa sekarang kilang simen telah menetapkan harga yang mana dekat dengan kilang itu harganya mesti kurang daripada \$8.20 dan saya harap di Perlis yang mana dekat dengan kilang simen itu tidak boleh bayar lebih dari-\$7.50.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada Kerajaan akan memberi kebenaran supaya simen itu dapat diimpotkan sebagai salah satu daripada cara untuk mengurangkan harga simen ini.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak ada kawalan untuk impot simen ke negara kita, impot adalah bebas, cuma bayar cukai 20 sen satu bag—cuma cukai sahaja.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan kekurangan simen ini berlaku di kawasan-kawasan di Pantai Timur. Saya ingin bertanya iaitu kalau misalnya kekurangan diesel dapat kita atasi dengan meminta PETRONAS mengedarkan diesel, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjemput ataupun menasihatkan PERNAS-EDAR untuk mengedarkan simen ke Pantai Timur sebagai salah satu jalan untuk mengatasi kekurangan simen di Pantai Timur.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan simen di Pantai Timur disebabkan kos pengangkutan daripada kilang simen di sebelah barat Semenanjung Malaysia ialah amat tinggi dan saya tahu sewa atau kos pengangkutan bagi satu beg simen daripada kilang di Rawang ke Trengganu atau Kelantan adalah di lingkungan \$2.00 hingga \$2.50 satu beg. Jadi sekim ini yang mana kita tetapkan harga \$6.50 ialah supaya pengguna di Pantai Timur dapat disubsidisekan dengan satu harga yang mana kos pengangkutan di sebelah barat Semenanjung Malaysia kurang untuk mengsubsidiakan kos pengangkutan untuk membawa simen ke East Coast. Masalah ini kita boleh mengatasi. Sekarang kos pengangkutan ini dipikul oleh kilang simen. Jadi pengedar-pengedar seperti PERNAS-EDAR kalau boleh menjalankan ini itupun telah kena berhubung dengan kilang simen supaya kos pengangkutan itu boleh dipikul oleh kilang simen.

Jadi soalan sama ada PERNAS-EDAR boleh menjalankan dan membawa simen ke Pantai Timur dengan kos pengangkutan yang kurang itu ialah satu soalan yang mana kita mesti mengkaji dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua: Seorang sahaja lagi saya benarkan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa apakah sebabnya Kerajaan mengorbankan kepentingan pengguna-pengguna Malaysia dengan mengizinkan kilang-kilang simen menaikkan harga sehingga 60% malahan ketiga-tiga kilang ini telah mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit setiap tahun?

Kedua, apakah sebabnya penjual-penjual simen ini dilarang untuk menghantar lorinya mengangkut simen dari factory?

Ketiga, apakah sebabnya Kementerian Perdagangan tidak boleh bertindak tegas untuk menghukum kilang-kilang simen yang menyalahgunakan harga maksima sebagai harga standard sehingga harga pasaran simen dikacau bilau di mana aduan selalu dikemukakan oleh Persatuan-persatuan Pembangunan Perumahan dan orang ramai?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, mengenai harga saya telahpun katakan tadi ini dikaji dengan teliti dan sebab kos pengeluaran telah naik seperti cost of energy, minyak yang digunakan, kos buruh dan sebagainya. Jadi Kementerian telah beri kenaikan harga daripada \$5.00 kepada \$6.50 dan ini ialah kurang daripada apa-apa harga yang diminta oleh kilang-kilang simen.

Berkenaan dengan soalan yang kedua saya tidak berapa dengar tetapi soalan yang ketiga

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, mengapa penjual-penjual simen dilarang menghantar lori simennya pergi mengangkut simen ke tempat masing-masing.

Dato Lew Sip Hon: Jawabnya ialah yang mana pengguna yang besar seperti kontrek-tor itu boleh berhubung terus menerus dengan kilang simen untuk membeli dengan cara ex-factory.

Mengenai soalan yang ketiga, masalah itu saya rasa telah diatasi sebab Kementerian saya apabila kita telah tetapkan harga \$6.50 satu beg-ex-factory dan juga harga maksima \$8.20 pun telah seperti saya katakan tadi ada satu sistem yang mana kita boleh mengelakkan apa-apa penyelewengan.

PEMBINAAN PELABUHAN KUANTAN

5. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar sebagaimana yang diketahui umum bahawa pembinaan Pelabuhan Kuantan adalah tidak ekonomik, bertentangan dengan nasihat pakar-pakar dan juga pembinaan itu adalah berasaskan politik semata-mata; jika ya, sama ada beliau bersedia menubuhkan satu Jawatankuasa bebas untuk menyiasat perkara ini sebagaimana yang telah dibuat dengan Bank Rakyat.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, soalan serupa ini telahpun saya menjawabnya pada 8hb Oktober, 1979 tetapi Ahli Yang Berhormat minta juga soalan ini lagi. Menjawab soalan ini saya suka mengatakan tidaklah benar dakwaan bahawa pembinaan Pelabuhan Kuantan itu adalah berasaskan kepada politik semata-mata dengan tidak mengambil kira faktor-faktor ekonomi, sosial dan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan Pantai Timur.

Kerajaan memang berhasrat untuk memberi faedah dan kemudahan kepada penduduk-penduduk dan ahli-ahli perniagaan di kawasan sekitarnya supaya dapat mengeluarkan hasil mereka dengan lebih senang melalui Pelabuhan Kuantan ini nanti. Sebelum Kerajaan mengambil keputusan untuk membina Pelabuhan Kuantan, Kerajaan telah melantik sebuah firma juruperunding untuk menyiasat tentang kajian kemungkinan (feasibility study) dalam tahun 1972. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa adalah viable bagi Kerajaan membina satu pelabuhan di Kuantan. Berasaskan kepada laporan inilah maka keputusan membina Pelabuhan Kuantan ini dibuat.

Bukan sahaja itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga dapat bantuan pinjaman dari pada Asian Development Bank atas projek ini. Jadi saya mintalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah gunakan issue Pelabuhan Kuantan ini sebagai satu issue politik.

Mengenai penubuhan Jawatankuasa Penyiasat saya sudahpun menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 8hb yang lalu di mana saya telah menyatakan bahawa satu firma perunding antarabangsa yang bebas ataupun Third Party iaitu Sir Bruce White & Partners telah dilantik untuk menjalankan penyiasat terhadap kerosakan yang berlaku dan saya pun telah menerangkan Terms of Reference dan kita akan menunggu laporan daripada firma juruperunding tersebut. Buat masa ini tidak payah ditubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasat seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan firma perunding yang membuat kajian awal mengenai kesesuaian pelabuhan di Kuantan itu dan berapakah bayaran yang dikenakan oleh firma tersebut kepada Kerajaan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Consulting Engineers yang membuat feasibility study ialah Bish & Partners. Berapakah yang dibayar, saya minta notis.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa satu kajian kemungkinan feasibility study dibuat dan selepas kajian itu barulah tapak Pelabuhan Kuantan itu disetujui. Saya ingin tahu sama ada kajian yang dijalankan oleh firma itu dan dalam recommendation selepas feasibility study, adakah firma itu menyatakan hanya tapak Kuantan sahaja tempatnya di mana pelabuhan itu boleh dibina ataupun adakah firma itu mencadangkan tempat yang lain yang lebih sesuai daripada Kuantan dan oleh kerana pada ketika itu Kerajaan mahukan Kuantan sebagai dijadikan satu pelabuhan dan bukan tempat yang lain, maka Kerajaan berdegil dan masih mahu juga Pelabuhan Kuantan dibina?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh baca sedikit Conclusions Report apa yang diberi daripada Bish & Partners itu sebagai menjawab soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat itu:

(Dengan izin) "A site to the North of Tanjong Gelang about 10 miles north of Kuantan by sea has been selected from among other possible alternatives as the most suitable site in Pahang State for the location of the new deep-water port. The development of large agricultural schemes and the consequent increase in production of palm oil, rubber and other products imply the need for adequate facilities for the export of produce from the East Coast of West Malaysia".

Saya percaya ini cukuplah Ahli Yang Berhormat itu boleh tahu.

MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

6. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun Petronas telah mengadakan 11 buah stesyen disel untuk bekalan disel dan minyak gas di Johor, Melaka, Trengganu dan Wilayah Persekutuan serta Selangor, kekurangan disel masih sangat teruk, yang telah menyebabkan kesusahan kepada industri-industri perikanan

dan pertanian dan juga kepada industri-pengangkutan termasuk teksi, bas dan lori, dan apa tindakan-tindakan sedang diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima banyak soalan-soalan berkenaan dengan bekalan dan harga barang-barang petrolium khususnya disel di negara termasuk soalan Ahli Yang Berhormat dari Kangar pada hari ini dan pada keseluruhannya corak soalan-soalan adalah sama. Oleh hal yang demikian saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi satu jawapan yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua: Bila hendak menyeluruh itu. Sekarang juga, kalau panjang dengan surat sahajalah, dengan bertulis.

Dato Lew Sip Hon: Barangkali akan memakan masa 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh dijawab dengan bertulis sahajalah.

MINYAK DIESEL—KENAIKAN HARGA

7. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa terdapat beberapa pengedar-pengedar disel yang menjual dengan harga yang melebihi dari apa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini serupa dengan soalan Yang Berhormat dari Mantin dan seperti saya katakan tadi saya akan beri satu jawapan yang bertulis.

HARI KEBANGSAAN MALAYSIA DI LONDON

8. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan aturcara yang telah dilakukan bagi menyambut Hari Kebangsaan Malaysia di London bagi tahun 1979 ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, seperti kebiasaannya pada malam

hari tersebut Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom telah mengadakan satu jamuan rasmi di mana lebih kurang 400 dif-dif dijemput termasuk orang-orang kenamaan di United Kingdom, diplomat-diplomat asing, orang-orang kenamaan Malaysia yang diketahui berada di masa itu di London dan wakil-wakil dari Persatuan-persatuan Penuntut Malaysia. Sambil itu satu temasya sukan di antara kakitangan Suruhanjaya Tinggi dan ajensi-ajensi kita di London telahpun diadakan.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi: Soalan tambahan. Dapatkah Timbalan Menteri menerangkan mengapa tidak diadakan perhimpunan atau perjumpaan rakyat Malaysia atau penuntut-penuntut Malaysia di London kerana hari kemerdekaan adalah satu hari yang boleh menimbulkan semangat kebangsaan bagi belia-belie atau rakyat kita.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, sambutan ini diadakan di sebuah negara yang lain, oleh sebab itu cara sambutan yang dibuat itu adalah berpadanan dengan kebiasaan yang dibuat dan yang diamalkan dalam sesuatu negara itu apabila wakil-wakil negara asing menyambut Hari Kebangsaan masing-masing. Oleh sebab itu mengikut kebiasaan kitapun menghadkan cara sambutan yang telah dibuat di London.

JAMBATAN SABAK BERNAM—PEMBINAAN

9. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapakah belanja pembinaan jambatan di Sabak Bernam dan adakah Kerajaan bercadang mengadakan sistem tol bagi kenderaan yang melalui lintas di situ seperti bayaran tol yang dikenakan kepada kenderaan-kenderaan di Slim River jika ya, nyatakan harapa lama ia akan berjalan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa perbelanjaan membina jambatan di Sabak Bernam ialah sebanyak lebih kurang \$9 juta. Setakat ini Kerajaan belum ada apa-apa cadangan untuk mengenakan bayaran tol terhadap penggunaan jambatan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

MAS—PERKHIDMATAN KE LAWAS/ MIRI

10. Tuan Racha Umong minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang mengadakan pesawat terbang MAS yang lebih besar seperti jenis Caribou serta menambahkan tiga lagi penerbangan terus mingguan di antara Lawas dan Miri bagi memudahkan pengangkutan hasil pengeluaran serta memperbaiki taraf kehidupan rakyat luar bandar.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sukacita saya nyatakan bahawa pihak MAS telahpun merancang untuk menggantikan kapal-terbang jenis BN2 bagi perkhidmatan di luar bandar di Sabah dan Sarawak dengan kapal-terbang jenis yang lebih besar. Kapal-terbang baru itu dijangka akan mula dilancarkan dalam bulan April, 1980, dan dengan adanya kapal-terbang yang lebih besar itu maka perkhidmatan di luar bandar di Sabah dan Sarawak akan bertambah dan penumpang-penumpang di luar bandar di kedua-dua negeri itu akan mendapat faedahnya.

Perkara ini akan dikaji dari masa ke semasa dan buat permulaan 2 kapal-terbang jenis BN2 itu akan digantikan dengan kapal-terbang yang lebih besar dan dari masa ke semasa ada kemungkinan ke semua kapal-terbang BN2 akan digantikan dengan kapal-terbang yang lebih besar.

MINYAK—KENAIKAN HARGA

11. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat manakah kenaikan harga minyak baru-baru ini terutamanya kesannya di dalam menaikkan harga-harga impot telah menjejaskan angka tunjuk harga pengguna kita dan langkah-langkah positif akan diambil untuk menstabilkan angka tunjuk harga pengguna yang kian naik ini.

Dato Lew Sip Hon: Pengimpotan barangan dan perkhidmatan berjumlah 40% daripada keluaran kasar negara dan berjumlah 34% di

dalam Angka Tunjuk Harga Pengguna. Pada tahun 1974, bilamana harga minyak naik lebih daripada sekali ganda, harga impot naik kira-kira 19.7%. Harga asas minyak mentah telah naik lebih daripada 41% pada tahun 1979 dan harga bumbung meningkat lebih daripada 85% daripada harga pada tahun 1978. Kenaikan harga minyak ini pasti mendatangkan kesan kepada harga barangan yang diimpot. Kesan ini jelas dilihat pada enam bulan pertama tahun 1979, bilamana angka tunjuk harga impot, yang merupakan penunjuk pada kenaikan harga barang-barang yang diimpot, telah meningkat sebanyak 4.2% berbanding dengan kenaikan 1.5% bagi masa yang sama tahun 1978. Dengan harga impot yang lebih tinggi, Angka Tunjuk Harga Pengguna di Malaysia akan meningkat lagi oleh kerana barangan yang diimpot menyumbang sebanyak 34% dalam Angka Tunjuk Harga Pengguna ini. Akan tetapi adalah sukar untuk menerangkan satu persatu setakat mana kesan kenaikan harga barangan yang diimpot terhadap inflasi. Dibalikannya kadar inflasi di Malaysia yang ditunjukkan oleh Angka Tunjuk Harga Pengguna bagi lapan bulan pertama tahun 1979 adalah sederhana. Angka Tunjuk Harga Pengguna di Semenanjung Malaysia telah naik sebanyak 3.5% bagi lapan bulan pertama tahun 1979, berbanding dengan kenaikan sebanyak 5% bagi masa yang sama tahun 1978. Di Sabah ianya telah naik sebanyak 2.8% berbanding dengan 2.1% dan bagi Sarawak pula sebanyak 3.2% berbanding dengan 2.1%.

Kerajaan mengawasi perkembangan harga di dalam negeri ini dengan tujuan mengurangkan kadar kenaikan harga. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah pentadbiran, kewangan dan langkah-langkah fiskal untuk mengurangkan kenaikan harga di negeri ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Pemberian subsidi. Bagi barang-barang petroliaam, kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam bentuk subsidi secara langsung dan hasil yang tidak dapat dipungut adalah berjumlah sebanyak \$341 juta tiap-tiap tahun;
- (ii) Bagi Lembaga Letrik Negara, kos kepada Kerajaan di dalam bentuk bantuan kewangan melalui penyertaan di dalam ekuiti, pengecualian cukai, perbelanjaan modal dan subsidi untuk kos pengendalian akan berjumlah sebanyak \$1,500 juta sehingga tahun 1984/1985;

(iii) Penubuhan Jawatankuasa Antara Kementerian yang dikenal sebagai Jawatankuasa Tetap Pegawai-pegawai Mengenai Pencegahan Inflasi untuk mengkaji cara mengawal inflasi. Enam Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan bagi membantu kerja-kerja Jawatankuasa Tetap ini. Jawatankuasa Kecil tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Kecil Mengenai Upah dan Buruh;
- (b) Jawatankuasa Kecil Mengenai Pertukaran Mata Wang;
- (c) Jawatankuasa Kecil Mengenai Makanan dan Pertanian;
- (d) Jawatankuasa Kecil Mengenai Angka Tunjuk Harga Pengguna;
- (e) Jawatankuasa Kecil Mengenai Aturcara/Jentera Kerajaan; dan
- (f) Jawatankuasa Kecil Mengenai Pendekatan Saikoloji.

Jawatankuasa Kecil-Jawatankuasa Kecil tersebut di atas pada masa ini di dalam proses mengemukakan cadangan masing-masing kepada Kerajaan.

SEKIM SUBSIDI KEPADA PELAJAR-PELAJAR

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang memperkenalkan satu sekim subsidi khas atau bantuan kewangan untuk membantu lebih daripada 20,000 pelajar-pelajar Malaysia yang sedang belajar di negara-negara Komenwel yang terjejas dengan teruk ataupun bakal akan terjejas terus akibat kenaikan bayaran pelajaran di United Kingdom, Australia, dan New Zealand dan nyatakan apakah tindakan yang lain yang Kementeriannya telah ambil untuk membantu pelajar-pelajar berkenaan supaya menentukan mereka tidak akan terpaksa meninggalkan pengajian mereka kerana kesulitan kewangan.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kementerian saya memang sedar atas masalah-masalah yang timbul disebabkan oleh kenaikan bayaran pelajaran bagi pelajar-pelajar kita di negara-negara United Kingdom, Australia dan New Zealand baru-baru ini.

Bagi United Kingdom, Kerajaan telahpun bersetuju pada dasarnya membuat peruntukan permulaan sebanyak \$300,000 mulai tahun

1980 ini dengan tujuan memberi kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah teresak pembayaran pelajaran mereka. Selain dari itu tambahan akan dibuat juga ke atas "Kumpulan Wang Kemudahan dan Kebajikan" sebagai membantu pelajar-pelajar yang menghadapi soal-soal kecemasan kewangan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ada.

Bagi Australia dan New Zealand pula, adalah difahamkan bahawa kenaikan kadar yuran di kedua-dua negara itu ialah ke atas pelajar-pelajar baru sahaja. Mereka yang sedang menuntut tidak terlibat.

Saya baru sahaja pulang dari United Kingdom dan dapat meninjau kedudukan yang sebenar dan mengatur, bersama-sama dengan pegawai-pegawai kita di sana, cara-cara sedaya upaya menadbirkan bantuan-bantuan yang saya sebutkan di atas tadi.

Pada bulan November/Disember akan datang ini, saya akan melawat ke Australia dan New Zealand pula. Dalam lawatan saya itu nanti, saya akan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan Menteri-menteri Pelajaran dan pihak-pihak bertanggungjawab yang lain kedua-dua negara dan bertukar-tukar fikiran mencari jalan yang sebaik-baiknya memastikan supaya hubungan rapi dan kerjasama dibidang pelajaran yang telah begitu lama terjalin akan dapat dikekalkan.

Saya suka mengambil kesempatan di sini membuat kenyataan bahawa pada dasarnya saya menghormati hak tiap-tiap negara mengambil apa jua tindakan seperti yang dibuat ke atas pelajar-pelajar kita di negara-negara berkenaan. Walau bagaimanapun selain daripada soal-soal berkaitan dengan untung rugi dari segi kewangan sesebuah negara yang berkenaan—"notwithstanding the economic profit-loss consideration"—yang nampak saya sedang begitu hangat dibincang di negara-negara berkenaan, apa yang sangat-sangat dihargai dan harus ditarik perhatian semua pihak ialah faedah muhibbah atau "goodwill value" antarabangsa. Tidak boleh dinafikan bahawa diwaktu peringkat persekolahan dan pelajaran tinggilah sebaik-baiknya semangat muhibbah antarabangsa dapat dipupok.

PEGAWAI MARA—LATIHAN

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada benar bahawa Pegawai-pegawai

MARA yang hendak melanjutkan pelajaran ke Universiti di luar negeri tidak diberi biasiswa dan terpaksa meletakkan jawatan, tetapi apabila telah lulus untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat masters, scholarship boleh diberi. Adakah ini satu dasar MARA yang bercanggah antara first degree dengan masters, sedangkan MARA sepatutnya memberi galakan kepada pegawai-pegawainya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Jika tidak, mengapa.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Rancangan latihan yang dijalankan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan MARA yang sedang berkhidmat adalah untuk melatih mereka supaya mereka dapat menambahkan lagi pengetahuan dan kecekapan mereka dalam menjalankan kerja dan tugas masing-masing.

Bagi latihan akedemik tumpuan dikhaskan kepada kursus lepasan ijazah sahaja seperti mana juga yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang terhadap pegawai-pegawainya.

DADAH—MEMERANGI PENYALAH-GUNAAN

14. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Malaysia mempunyai perjanjian melancarkan gerakan bersama dengan negara-negara Thailand dan Burma untuk memerangi penyalahgunaan dadah, memandangkan sebahagian besar daripada punca dadah adalah datangnya daripada "The Golden Triangle" yang melibatkan kedua-dua negara tersebut. Kalau ya, apakah bentuk gerakan bersama tersebut. Kalau tidak, mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali in Shafie): Kita telah sedia mempunyai kerjasama yang cukup, bukan sahaja dengan negara-negara Thailand dan Burma, malah dengan negara-negara ASEAN, serta negara-negara lain di dalam usaha menentang penyalahgunaan dadah. Antara kerjasama-kerjasama ini adalah meliputi bidang penguatkuasaan dan pencegahan melalui badan-badan antarabangsa seperti United Nation, Interpol dan sebagainya.

PEMBINAAN ANAK JALAN DI KEDAH

15. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (i) sama ada pembinaan sebatang anak jalan dari Jalan Krian Kedah, Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan ke sebuah estet kelapa sawit adalah projek Persekutuan atau projek negeri; dan
- (ii) harga perbelanjaan untuk pembinaan anak jalan itu.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Lee San Choon): Bagi menjawab pertanyaan Y.B. Tuan Seow Hun Khim, sukacita dimaklumkan bahawa pembinaan anak jalan dari Jalan Kerian Kedah, Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan ke sebuah estet kelapa sawit adalah projek Kerajaan Negeri Kedah. Harga pembinaan projek tersebut dianggarkan sebanyak \$440,000.

HUTANG KEPADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

16. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ke atas orang-orang yang tidak menjelaskan hutang kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang berjumlah berjuta-juta ringgit yang mana salah seorang daripada mereka yang terlibat ialah Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam sekarang.

Dato' Musa bin Hitam: Pihak pentadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka sedang mengambil tindakan undang-undang mendakwa bayaran balik ke atas syarikat-syarikat pengedar buku yang masih terhutang dengannya serta tidak dapat memberi perakuan membayar balik hutang piutang mereka.

Beberapa buah syarikat yang lain terlibat telahpun bersetuju menjelaskan pembayaran hutang mereka dengan cara ansuran mengikut cara-cara yang ditetapkan oleh pihak Dewan Bahasa sendiri. Di antara syarikat-syarikat yang berkenaan itu ialah syarikat Nik Book Agency, Kota Bharu, Kelantan.

Untuk mengekalkan salah faham, sayugia diingat bahawa apa yang dikatakan penglibatan Timbalan Menteri yang disebutkan

oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah berlaku sesudah ianya menjadi Timbalan Menteri. "Penglibatan" ini berlaku sewaktu yang berkenaan masih menjadi seorang peniaga biasa. Selepas ianya dilantik sebagai Timbalan Menteri, Timbalan Menteri itu sendiri telah memberi kerjasama penuh memastikan bahawa hutangnya akan dapat dijelaskan dengan secepat mungkin.

PENGAMBILAN PELAJAR-PELAJAR KE UNIVERSITI TEMPATAN

17. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan sudahkah sistem atau formula baru untuk pengambilan pelajar-pelajar ke kelima-lima universiti tempatan ini diadakan, jika ya, sila beritahu isi kandungan formula pengambilan ini dan nyatakan berdasarkan apakah unsur-unsur formula baru ini diadakan untuk memperseimbangkan keadaan ketidakseimbangan yang didapati sekarang, jika tidak, apakah sebabnya.

Dato' Musa bin Hitam: Sebenarnya Kementerian saya telahpun begitu lama menganuti sistem yang teratur mentadbirkan pengambilan pelajar-pelajar ke Universiti-universiti tempatan kita. Apa yang dikatakan "formula" oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin ada hubungan dengan persefahaman yang dicapai baru-baru ini, di kalangan pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional.

Saya suka mengambil kesempatan di sini menyatakan bahawa "formula" yang berkenaan ialah berasaskan kepada dua garisan yang tertentu, iaitu:

- (1) Di peringkat Universiti-universiti tempatan, Kerajaan akan memberi tempat kepada lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan bumiputra di dalam bidang-bidang yang tertentu.
- (2) Di peringkat luar negeri pula, Kerajaan akan memberi biasiswa kepada lebih ramai lagi pelajar-pelajar bukan bumiputra dibandingkan dengan masa-masa yang lepas.

ASEAN—MENJAGA KESELAMATAN TENGGARA ASIA

18. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan perbincangan dengan negara-negara ASEAN dan lain-lain

negara di rantau ini untuk mengadakan tindakan bersama bagi menjaga keselamatan rantau Tenggara Asia setelah diketahui bahawa Vietnam bercadang hendak memperluaskan tanah jajahannya.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ASEAN ialah sebuah organisasi yang telah ditubuhkan dengan tujuan untuk memupuk kerjasama serantau di antara rakyat di negara-negara ASEAN di bidang-bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan. Pemimpin-pemimpin ASEAN juga giat bertukar-tukar pendapat mengenai perkara-perkara kepentingan bersama di dalam lain-lain bidang. Mereka menilai situasi yang kian bertambah buruk di Indochina sebagai satu ancaman yang serius terhadap objektif ASEAN untuk kemajuan di bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan dan kepada kejayaan-kejayaan yang telah tercapai setakat ini. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Y.A.B. Perdana Menteri serta pemimpin-pemimpin ASEAN yang lain telah menegaskan bahawa ASEAN, sejajar dengan matlamat-matlamatnya, tidak akan menjadi sebuah pakatan tentera. Ini tidak akan menghalang negara-negara ASEAN daripada menubuhkan atau meningkatkan kerjasama tentera dan keselamatan secara dua-hala antara negara ASEAN.

Setakat ini tidak ada cadangan untuk mengadakan perbincangan antara negara-negara ASEAN atau dengan negara lain di rantau ini mengenai pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

PENDATANG-PENDATANG HARAM VIETNAM

19. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai orang-orang pelarian yang telah ditarik keluar ke laut sejak Kerajaan mengambil keputusan mengenai perkara ini dan adakah penyiasatan telah dijalankan ke atas tuduhan-tuduhan bahawa ada beberapa orang-orang pelarian telah dicabul kehormatan mereka, dan jika ya, nyatakan hasil-hasil penyiasatan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semenjak diumumkan dasar Kerajaan mengenai pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini, kesemuanya sebanyak 99 buah bot yang mengandungi lebih kurang

80 orang tiap-tiap bot telah dibantu keluar dari perairan Malaysia setelah diberi bantuan-bantuan yang diperlukan seperti makanan, air, minyak dan ubat-ubatan.

Satu rombongan polis telah dihantar ke Singapura untuk menyiasat laporan daripada akhbar-akhbar asing mengenai tuduhan-tuduhan beberapa orang pendatang haram telah dicabul kehormatan mereka. Rombongan tersebut telah pergi ke Singapura pada petang 10hb Julai, 1979 dan telah menyoal beberapa orang pendatang-pendatang haram Vietnam di atas tuduhan-tuduhan tersebut tetapi tidak ada seorang pun yang mahu membuat apa-apa keterangan.

MAS—PERKHIDMATAN AIRBUS

20. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Pengangkutan menyatakan bila MAS akan mengadakan perkhidmatan Airbus di dalam dan di luar negeri.

Tan Sri V. Manickavasagam: MAS akan menerima sebuah kapalterbang jenis Airbus dalam bulan Oktober 1979 dan akan menjalankan operasinya pada 16hb November, 1979 manakala 2 buah lagi akan sampai pada bulan Disember 1979.

Kapalterbang jenis Airbus ini akan digunakan di rantau ini bagi penerbangan Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, Kuala Lumpur-Pulau Pinang, Kuala Lumpur-Madras, Kuala Lumpur-Pulau Pinang-Madras, Kuala Lumpur-Pulau Pinang-Hong Kong dan Kuala Lumpur-Jakarta-Perth. Kapalterbang jenis Airbus itu apabila kesemuanya diperolehi akan juga digunakan bagi perkhidmatan Kuala Lumpur-Hong Kong-Taipei-Tokyo, Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Taipei-Seoul dan Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Hong Kong.

LAPANGAN TERBANG KOTA KINABALU—PEMBINAAN

21. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan segera yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memulakan pembinaan lapangan terbang Kota Kinabalu yang sepatutnya telah siap dibina lima tahun yang lalu, tetapi oleh kerana terlampau banyak "red tape" dan dasar birokratik tiada apa yang telah dibuat sehingga sekarang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pembinaan lapangan terbang Kota Kinabalu itu telah dibuat secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama, iaitu kerja-kerja civil (civil works) pembinaan dan pemanjangan landasan untuk kegunaan pesawat-pesawat yang besar seperti B747, sudahpun selesai.

Peringkat kedua, iaitu kerja-kerja membina parking apron sudahpun dimulakan dan dijangka siap pada tahun 1981. Tawaran Tender telahpun dibuat untuk pembinaan pembangunan terminal, dan kerja-kerja ini dijangka siap akhir tahun 1982 atau awal 1983.

BARANG-BARANG TIRUAN—JUALAN

22. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak barang-barang tiruan yang terdiri dari jeans, alat-alat solek, ubat dan lain-lain dijual di Sabah dan juga petrol yang diakui oleh penjualnya sebagai "supershell" tetapi tidak seratus peratus supershell dan petrol ini mengandungi 50% supershell dicampur dengan 50% minyak shell biasa dan setengah-setengahnya pula petrol ini 100% petrol biasa dan dijual dengan kadar harga supershell dan jika ya, apakah tindakan segera yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan perniagaan "cepat menjadi kaya" ini.

Dato' Lew Sip Hon: Kementerian saya sedar di atas berlakunya amalan-amalan menjual barang-barang tiruan, bukan sahaja di Negeri Sabah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, bahkan di seluruh Negara. Di dalam perkara ini, Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat di dalam menjalankan amalan tersebut tanpa mengira sama ada mereka itu pengeluar atau peniaga-peniaga biasa. Tindakan yang berkenaan adalah diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31.8.1979 sebanyak 538 kes telah diambil bagi seluruh Malaysia, dan bagi Negeri Sabah sebanyak 15 kes. Pihak-pihak yang terlibat telah dan akan didakwa di Mahkamah. Dalam perkara ini, sukalah saya menyeru kepada orang ramai untuk memberi kerja sama dengan melaporkan kepada Kementerian saya sekiranya mereka tahu ada pihak-pihak yang terlibat dalam amalan ini.

Berkenaan dengan percampuran minyak petrol sama ada daripada jenis premium atau daripada jenis biasa, tindakan asas yang diambil oleh Kementerian saya ialah dengan mengambil contoh-contoh daripada stesyen-stesyen minyak yang disyaki melakukan amalan percampuran dan seterusnya mengemukakan contoh-contoh yang diambil itu ke Jabatan Kimia Kerajaan untuk cerakinan (analysis) bagi mendapatkan pengesahan sama ada percampuran telah dilakukan. Hanya Jabatan Kimia sahaja yang boleh memberikan pengesahan sama ada contoh-contoh yang dikemukakan telah dicampur ataupun tidak. Jika sekiranya Jabatan Kimia mengesahkan bahawa terdapat percampuran, maka tindakan seterusnya akan diambil untuk mendakwa pihak yang terlibat di Mahkamah.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Kenaikan Pangkat Guru dan Guru Besar
3.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 18(1), majlis mesyuarat ini mengizinkan Ketua Pembangkang supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu pengakuan yang memeranjatkan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, semasa soaljawab di dalam Dewan Rakyat semalam yang guru-guru dan guru besar yang ingin naik pangkat hendaklah memuji Kerajaan dan khasnya Timbalan Menteri Pelajaran.

Bahawa perkara ini adalah satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai kerana:

Pertama, sekiranya pendirian Timbalan Menteri Pelajaran itu mewakili dasar dan kriteria Kerajaan dalam menentukan perkara kenaikan pangkat guru-guru dan guru-guru besar sekolah khasnya dan pegawai-pegawai Kerajaan amnya, maka dasar itu adalah satu dasar yang baru akan mengsubvert dengan teruknya kecekapan dan morale perkhidmatan awam, dan akan menempatkan perkhidmatan awam kita dalam penghinaan mata orang ramai; dan adalah

menjadi satu perkara kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yang perkhidmatan awam dan semangat perkhidmatan awam hendaklah dilindungi dan kepercayaan orang ramai dalam perkhidmatan awam kita terus dipelihara;

Kedua, selepas pengakuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran semalam, pegawai-pegawai Kerajaan telah melahirkan kepada saya rasa terkejut dan takut mereka yang mereka akan dikehendaki mengampu Menteri-menteri dan Timbalan Menteri-menteri jika mereka hendak naik pangkat tanpa memperdulikan sama ada Menteri atau Timbalan Menteri itu adalah betul atau salah, bijak atau bodoh, jujur atau korup, dan adalah menjadi satu perkara kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yang dasar dan kriteria Kerajaan mengenai kenaikan pangkat pegawai-pegawai Kerajaan seumpama itu dicela atau "censured" dengan serta-merta dan Parlimen hendaklah mengambil tindakan serta-merta untuk menuntut supaya pihak Eksekutif menggugurkan kriteria yang sungguh tidak boleh dipertahankan serta "unjustifiable" itu supaya menjamin semangat perkhidmatan awam dan keyakinan dan kehormatan orang ramai dalam perkhidmatan awam terus dipelihara;

Ketiga, jika sekiranya pengakuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran semalam bukanlah mewakili dasar Kerajaan atau dasar Kementerian Pelajaran, maka adalah juga menjadi satu perkara berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri Pelajaran menafikan pengakuan Timbalan Menteri Pelajaran itu supaya melindungi dan menjamin semangat (morale) pegawai-pegawai perkhidmatan awam serta juga penghormatan orang ramai dalam perkhidmatan awam, dan Parlimen hendaklah mencela atau "censure" Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kerana kelakuannya yang sungguh tidak bertanggungjawab di mana beliau dengan sengaja

menyesatkan Dewan ini dengan mengatakannya perkara-perkara yang tidak betul yang menghina kemuliaan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti juga di bawah perkara 18 yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang Ahli dari Petaling pada hari semalam maka pada hari ini samalah caranya saya hendak menentukan sama ada perkara ini patut dibahaskan atau tidak.

Saya telah membaca laporan verbatim daripada perbahasan pada hari semalam itu dan juga saya mengingatkan apa yang berlaku pada hari semalam, perkara ini ialah timbul daripada satu soalan yang datangnya daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah, Ahli Yang Berhormat dari Bachok kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan memang ada perkara tertentu itu dilafazkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, lafaznya mengatakan benar apa yang ditanyakan sebagai jawapan kepada soalan Yang Berhormat Encik Lim Kit Siang kepadanya sama ada benar atau tidak bahawa ada menjadi satu dasar Kerajaan, mereka yang berharap naik pangkat mesti hari-hari puji Kerajaan dan lebih baik puji Yang Berhormat Timbalan Menteri, baharu boleh dapat naik pangkat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab itu benar.

Dan cara Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, suara dan nada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menjawab ialah dengan nada, dengan cara, dengan suara bergurau atau berjenaka, seperti juga Yang Berhormat Ahli dari Petaling setelah saya menjatuhkan keputusan menolak Usulnya di bawah Peraturan Mesyuarat 18 itu. Yang Berhormat telah berkata iaitu saya orang yang pertama membuat kesalahan di bawah undang-undang membaca perkara yang telah diharamkan. Saya juga menganggap itu sebagai satu perkara yang bukan serius, sebab itu sebagai jenaka. Dengan itu saya tidak mengambil apa-apa tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat. Jadi dengan sebab cara pertanyaan itu dan juga suara dan nadanya adalah suara dan nada berjenaka jadi saya juga tidak mengambil berat dan mujurlah saya tidak ambil secara serius daripada pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Walau bagaimanapun soal yang berhubung dengan orang ramai ataupun sebahagian daripada perkhidmatan civil ini tentulah boleh

keliru atau dikelirukan oleh orang dan boleh menjadi serious. Jadi dengan sebab itu perkara ini memanglah perkara tertentu dan juga untuk kepentingan orang ramai.

Tetapi saya tidak nampak bagaimana perkara ini boleh menjadi begitu sekali serious, penting dan segera (urgent) mesti ditangguhkan Dewan ini untuk membahaskan perkara ini dan daripada perkataan Yang Berhormat dari Petaling juga ada menyatakan, maka adalah menjadi satu perkara berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan supaya Perdana Menteri ataupun Menteri Pelajaran menafikan pengakuan Timbalan Menteri Pelajaran itu supaya melindungi dan menjamin semangat Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam seperti juga penghormatan orang ramai terhadap Perkhidmatan Awam dan seterusnya.

Dan dalam soal ini, saya telah diberitahu dan diminta izin di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (i) iaitu Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan memberi penerangan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan ini. Dengan sebab itu perkara ini tidak saya anggap sebagai satu perkara yang perlu ditangguhkan Dewan ini untuk membahaskan perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Saya dukacita tidak dapat menerima Usul ini supaya dibahaskan (*Tepuk*).

PENERANGAN OLEH Y. B. MENTERI PELAJARAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14 (1) (i)

3.44 ptg.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil kesempatan di sini untuk memberi penjelasan sedikit tentang jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Pelajaran pada 10hb Oktober, 1979 di Dewan yang mulia ini kepada soalan tambahan yang dikemukakan Ahli Yang Berhormat dari Petaling berhubung dengan soalan asal yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Jawapan yang diberi semalam mungkin ada menimbulkan kekeliruan atau salah faham di antara setengah kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti terbayang di dalam Usul yang baharu sahaja cuba dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Yang pertama sekali suka saya menyebutkan sekali lagi apa yang diperkatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, iaitu apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri saya semalam ialah di dalam suasana yang agak riang.

Yang kedua, saya suka mengambil kesempatan di sini menegaskan dan menyatakan bahawa sebenarnya Kerajaan tidaklah mengamalkan dasar menaikkan pangkat pegawai-pegawai Kerajaan yang hanya memuji Kerajaan, Menteri atau Timbalan Menteri.

Sebaliknya sukacita saya menegaskan di sini bahawa kenaikan pangkat seseorang pegawai itu adalah mengikut prinsip amalan perjawatan dan perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam Sekim Perkhidmatan bagi sesuatu perkhidmatan termasuklah Perkhidmatan Pelajaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, satu perkataan yang saya hendak minta

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh! Di bawah Peraturan Mesyuarat mana?

Tuan Chan Teck Chan: Hanya mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh, tak boleh! (*Kepada Setiausaha*) Ya, teruskan!

**PENERANGAN SENDIRI OLEH Y. B.
TUAN LEE KAW DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 14 (1) (1)**

Tuan Yang di-Pertua: Ini juga Ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (1) dan mengikut Peraturan Mesyuarat 25, saya benarkan Ahli Yang Berhormat dari Keluang memberikan penjelasan sendiri.

3.46 ptg.

Tuan Lee Kaw (Keluang): Tuan Yang di-Pertua, semasa soal jawab semalam ketika menjawab pertanyaan saya bagaimana lebih kurang 12,000 pendatang-pendatang haram dari Indonesia dapat masuk ke negara kita untuk bekerja di hutan-hutan dan rancangan-rancangan tanah FELDA di negeri Johor, Pahang dan lain-lain negeri tanpa pengetahuan Jabatan Imigresen dan nyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri membuat sindiran-sindiran dan tohmah-tohmah

Tuan Yang di-Pertua: Sindiran-sindiran.

Tuan Lee Kaw: Sindiran-sindiran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lee Kaw: Sindiran-sindiran dan tohmah-tohmah yang menjejaskan dan menyentuh kejujuran dan peribadi saya. Sindiran dan tohmah ini adalah termuat di dalam perenggan akhir dalam jawapan beliau itu yang mengatakan:

“Tuan Yang di-Pertua, yang menakutkan ialah nampak benar seolah-olah Ahli Yang Berhormat itu hampa sekali dengan syndicate tersebut kerana beliau sungguh tahu menahu tentang hal ini. Kalaupun sudah tahu, kenapa hal ini tidak dilaporkan kepada pihak polis bukan di bawa ke Parlimen ini untuk menarik perhatian.

Sebagai seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, saya rasa Ahli Yang Berhormat sepatutnyalah memberi segala bukti dan kerjasama kepada pihak polis bagi membantu polis dan juga Jabatan Imigresen untuk mencegah kehadiran yang telah terjadi ini.”

Tuan Speaker, ingin saya berterus terang di sini bahawa saya tidak mempunyai sebarang hubungan dengan mana-mana syndicate yang membawa pendatang-pendatang haram dari Indonesia yang mana bilangan pendatang-pendatang haram ini yang telah masuk ke negara ini sekarang berjumlah lebih kurang 12,000 orang, satu angka yang tidak dinafikan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya memperolehi angka-angka dan maklumat-maklumat tentang 12,000 pendatang-pendatang haram Indonesia ini dibawa ke Johor oleh sindiket-sindiket yang dikelolakan dengan baik dan kemudian dihantar ke negeri Pahang, Perak dan Selangor untuk bekerja di hutan-hutan di Rancangan-rancangan Tanah FELDA daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk K. Pathmanaban. Jawapan Timbalan Menteri kepada pertanyaan saya adalah sungguh tidak memuaskan, kerana jawapan itu tidak menerangkan bagaimana sejumlah besar pendatang-pendatang haram boleh dibenarkan bekerja di negara ini selama

bertahun-tahun tanpa diketahui oleh Jabatan Imigresen. Jika sekiranya Timbalan Menteri berkenaan tidak dapat memberikan saya jawapan yang memuaskan, maka saya berharap beliau tidak akan membuat sindiran-sindiran dan tohmah-tohmah terhadap diri saya dalam percubaannya untuk menyembunyikan ketidakupayaan atau keinaptitudenya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu walaupun matanya sakit, saya tahu matanya sakit, tetapi masih boleh membaca teksnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak apa?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Di bawah Peraturan Mesyuarat 37, untuk memberi sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu kalau dalam masa perbahasan, ini bukan perbahasan. Tidak boleh!

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb Oktober, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Sebagaimana yang saya katakan semalam iaitu hari ini kita masih membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977. Sekarang disambung perbahasannya Yang Berhormat dari Kemaman.

3.54 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 1979.

Dalam membahaskan Rang Undang-undang Pindaan ini ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Pertama saya ingin merujuk kepada seksyen 4A dalam Rang Undang-undang pindaan ini yang menyatakan di mana amaun pemberian kepada negeri-negeri adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk dalam negeri itu. Jadi, saya percaya dalam menguatkuasakan seksyen ini nanti saya berharap agar Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi perhatian yang sewajar kepada negeri-negeri di mana penduduknya tidak begitu ramai terutama sekali di negeri-negeri Pantai Timur termasuk Kelantan dan Trengganu. Jika sekiranya formula yang terdapat dalam seksyen 4A ini dipakai sudah barang tentu saya rasa negeri-negeri yang mempunyai penduduk yang ramai akan mendapat amaun pemberian yang lebih dari negeri-negeri yang tidak ramai penduduknya padahal, pada kebetulannya negeri-negeri yang mempunyai penduduk yang ramai ini telahpun maju, telahpun jauh meninggalkan negeri-negeri yang lain di mana negeri-negeri yang tidak mempunyai ramai penduduk. Ini bermakna negeri yang maju akan bertambah maju saya rasa, dan ini bermakna juga matlamat Rang Undang-undang ini diadakan iaitu untuk merapatkan jurang perbezaan di antara negeri-negeri tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh negeri Trengganu misalnya, sungguhpun negeri Trengganu ini negeri minyak tetapi ia juga termasuk dalam golongan negeri yang tidak maju. Mengikut bancian penduduk pada tahun 1970 penduduk negeri Trengganu adalah dikirakan seramai lebih kurang 600,000 orang dan jika kita anggarkan kadar pertambahan penduduk pada kira-kira 3% setahun, ini bermakna pada tahun 1980 penduduk negeri Trengganu dianggarkan seramai lebih kurang 700,000 orang, dan kalaulah pemberian ini berdasarkan kepada jumlah penduduk maka Jadual ke 10 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan seperti berikut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Said: (*Dengan izin*) "Capitation Grant—The capitation grant payable to each State in respect of a financial year shall be at the following rates:

(a) for the first 100,000 persons at the rate of \$20 per person;

- (b) for the next 150,000 persons at the rate of \$10 per person;
- (c) for the next 250,000 persons at the rate of \$6 per person;
- (d) for the remainder at the rate of \$3 per person."

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perkiraan ini maka pada tahun 1980 misalnya Trengganu akan hanya berhak sebanyak lebih kurang \$6 juta sahaja iaitu kira-kira lebih kurang 10% daripada amaun sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 2 (a) Rang Undang-undang pindaan ini iaitu tidak sampai satu suku pun apatah lagi separuh ataupun 100% daripada jumlah \$50 juta ini. Ini bermakna jika sekiranya Kerajaan Negeri Trengganu meningkatkan anggaran belanjawan pada tiap-tiap tahun yang berkenaan dan jika sekiranya perbelanjaan itu melebihi dari \$6 juta, saya yakin dan percaya ia akan dipotong dengan begitu sahaja oleh pihak Kerajaan Pusat padahal projek-projek yang dicadangkan dalam belanjawan itu adalah mustahak belaka. Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengkaji balik formula pemberian yang berdasarkan kepada bilangan penduduk ini agar pembahagian yang sama rata di antara negeri-negeri diperolehi. Kalaulah boleh amaun sebanyak yang tidak melebihi daripada \$50 juta sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 2 (a) Rang Undang-undang pindaan ini hendaklah diperuntukkan dengan sepenuhnya ataupun paling maksima sekali tanpa mengira bilangan penduduk.

Saya juga merayu, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan agar segala projek-projek ataupun perbelanjaan yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan terutama sekali daripada Kerajaan Negeri Trengganu di masa yang akan datang hendaklah dipertimbangkan kesemuanya sekali tanpa memotong di sana sini, sebagaimana mengikut formula. Jika sekiranya kedua-dua cadangan ini dapat juga dipertimbangkan oleh pihak Timbalan Menteri Kewangan saya juga ingin merayu dan mencadangkan agar royalti minyak oleh kerana Trengganu negeri minyak, yang hari ini negeri Trengganu mendapat sebanyak 5% kalaulah boleh ditambahkan, kalau tidak menjadi 10% pun 6% ataupun 7% pun cukup. Itulah harapan daripada negeri Trengganu supaya menambahkan sedikit royalti minyak kepada negeri Trengganu.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 7 dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini agar dimasukkan beberapa projek yang tertentu selain daripada apa yang disenaraikan dalam Fasal 7 ini, iaitu termasuklah bekalan api, bekalan telefon dan projek-projek kemudahan asas yang lain yang ada kaitan dengannya agar maksud pemberian dapat mencerminkan tujuan untuk mewujudkan satu keadaan pembangunan secara menyeluruh, secara total, bukannya secara partial.

Berhubung dengan Fasal 7 juga, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila anggaran hasil dan perbelanjaan hendak disediakan atau dijalankan oleh pihak Pegawai Pengawal (Controlling Officer) oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan seksyen 29 dan 30 kalau boleh saya minta Timbalan Menteri Kewangan, Wakil-wakil Rakyat yang tidak menganggotai Kerajaan, terutama sekali Wakil Rakyat dari Barisan Nasional hendaklah dijemput hadir sama untuk membincangkannya segala projek-projek dan belanjawan-belanjawan pada tahun yang berkenaan. Dengan hal yang demikian sekurang-kurangnya dapatlah mereka ini mengemukakan projek-projek atau belanjawan-belanjawan yang difikirkan perlu untuk rakyat kawasan di mana mereka ini wakil ataupun dapatlah mereka mengetahui apakah butir-butir projek yang dicadangkan oleh pihak Jabatan yang berkenaan ataupun oleh pihak Pegawai Pengawal (Controlling Officer) dari Jabatan yang berkenaan. Amalan-amalan yang lepas biasanya Pegawai Pengawal daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan tidak menjemput mereka ini hadir sama, jadi mereka tidak mengetahui apa yang dicadangkan ataupun apa yang disenaraikan oleh Pegawai-pegawai Pengawal yang berkenaan. Oleh yang demikian saya mencadangkan agar seksyen 29 dan 30 Arahan Perbendaharaan, tidak ada dalam pindaan ini, tetapi Arahan Perbendaharaan 29 dan 30 supaya dipinda untuk membolehkan seseorang Wakil Rakyat menyertai sama dalam penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun yang berkenaan.

Saya rasa itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.04 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong cadangan meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari semalam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

Pada hemat saya semua rakyat negeri ini, terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar di negeri-negeri yang kurang maju khususnya dan juga mereka yang tinggal dalam kawasan-kawasan yang belum membangun di negeri-negeri yang telah maju oleh kerana pindaan yang dikemukakan ini adalah untuk menambahkan lagi peruntukan yang dimaksudkan di dalam pembangunan seperti perbekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan, kerja-kerja kecil dan apa-apa projek pembangunan lain, termasuklah juga perbelanjaan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan cadangan ini saya ingin menyentuh satu dua perkara. Hasrat Kerajaan untuk mengutamakan pemberian pertambahan ini kepada negeri-negeri yang kurang maju adalah diberi sokongan yang baik oleh kerana ini adalah satu dasar yang sangat baik, adil dan bijak, akan tetapi di dalam mengutamakan negeri-negeri yang kurang maju adalah diharapkan juga supaya pihak Kerajaan akan mengambil perhatian dan pertimbangan kepada negeri-negeri yang telah maju, akan tetapi masih ada kawasan-kawasan yang belum membangun dengan sempurna lagi.

Saya suka memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua. Kawasan Parlimen Padang Rengas walaupun terletak dalam negeri yang dikatakan negeri yang telah maju akan tetapi masih berkehendakkan bantuan-bantuan untuk melaksanakan beberapa projek yang belum disempurnakan lagi. Umpamanya, masih banyak lagi kampung-kampung yang jalannya masih tanah merah, tidak ada perbekalan air yang sempurna, masih banyak lagi masjid-masjid, surau-surau, projek-projek pembangunan kecil yang tidak disempurnakan lagi dan ini adalah berkehendakkan bantuan daripada pihak Kerajaan untuk menyelesaikan keadaan-keadaan ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang berhubung dengan perumahan awam, pada umumnya saya rasa tentulah rakyat Malaysia hari ini amat berbangga dengan kemajuan yang telah dicapai dalam projek perumahan oleh kerana boleh kita katakan di mana-mana sahaja bandar, di bandar-bandar yang ada dalam negeri kita ini tumbuh kawasan perumahan dengan pesatnya dan di antara pemilik-pemilik rumah-rumah yang telah didirikan itu adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan tetap yang berasal daripada kampung-kampung yang satu masa dahulu tidak termimpi untuk memiliki rumah-rumah batu dalam kawasan bandar, akan tetapi usaha untuk mendirikan projek rumah-rumah awam ini nampaknya adalah ditumpukan di kawasan-kawasan bandar-bandar atau bandar-bandar kecil sahaja.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan Parlimen Padang Rengas ini sejak 10 tahun kebelakangan ini tidak ada satu projek perumahan awam yang didirikan. Walaupun demikian, saya sukalah mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan oleh kerana baru-baru ini telah dilancarkan satu projek yang dinamakan "Rancangan Pemulihan Kampung-kampung". Di dalam kawasan saya 6 buah kampung telah terpilih daripada 70 buah kampung yang ada di dalam kawasan ini untuk dilaksanakan rancangan pemulihan kampung, akan tetapi di dalam melaksanakan projek-projek ini timbul berbagai-bagai masalah. Umpamanya, di dalam masa hendak menentukan mana-mana kampung yang patut mendapat projek rancangan pemulihan kampung ini amatlah rumit bagi pihak pegawai-pegawai Pejabat Daerah untuk menentukan mana-mana satu kampung yang layak untuk dilaksanakan projek ini. Kepada kampung-kampung yang berjaya untuk dilaksanakan projek ini pula akan timbul masalah-masalah bagi hendak menentukan manakah rumah-rumah yang patut diberi keutamaan oleh kerana setinggi-tinggi di dalam satu kampung hanya 20 buah rumah sahaja yang dapat dipilih untuk memasuki projek pemulihan kampung ini dan tiap-tiap rumah yang dipilih ini pula hanya akan mendapat bantuan paling tinggi \$500 sahaja oleh kerana apa yang telah diberitahu pada setiap sebuah kampung hanya diberi peruntukan sebanyak \$10,000 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana mereka yang berjaya di dalam projek ini pun akan menimbulkan masalah oleh kerana peruntukan yang diperolehi sebanyak \$500 itu tentulah tidak dapat untuk melaksanakan dengan sempurna oleh kerana keadaan bahan-bahan rumah yang hendak diperbaiki tidak sepadan dengan perbelanjaan yang diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, saya mencadangkan oleh kerana projek ini adalah suatu projek yang baik maka hendaklah pihak Kerajaan menambahkan lagi sebanyak-banyaknya peruntukan kepada rancangan ini mudah-mudahan penduduk-penduduk di luar bandar terutama di kampung-kampung pendalaman yang tidak menikmati rancangan perumahan awam ini akan dapat mengubah keadaan kedudukan kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi dengan kelulusan cadangan ini adalah diharapkan perlaksanaan projek-projek yang telah diluluskan untuk melaksanakan di kampung-kampung akan dapat dilaksanakan mengikut jadual sebagaimana yang ditetapkan. Akan tetapi apa yang berlaku pada hari ini walaupun peruntukan telah diadakan tetapi projek-projek itu tidak dapat dilaksanakan mengikut jadualnya oleh kerana kekurangan kakitangan yang melaksanakan projek-projek ini. Umumanya di dalam kawasan saya masih banyak lagi jawatan-jawatan di dalam Pejabat Daerah, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Pertanian yang tidak dapat diisi dan adalah diharapkan dengan peruntukan yang diberikan kepada negeri ini kekosongan jawatan-jawatan ini akan dapat dilaksanakan, mudah-mudahan segala projek yang telah diputus akan dapat dilaksanakan mengikut jadualnya. Inilah harapan daripada saya kepada Dewan yang mulia ini. Dengan ini, saya menyokong usul yang dikemukakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Ulu Langat.

4.18 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini untuk menyokong Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1977. Berhubung dengan Bil ini, saya ingin hendak mengeluarkan sedikit pandangan.

Dalam perbahasan semalam, saya telah mendengar ramai Ahli-ahli Yang Berhormat meminta peruntukan tambahan. Permintaan ini bertujuan untuk membiayai projek-projek pembangunan seperti bekalan air, perumahan awam, kemajuan tanah perusahaan dan lain-lain projek. Apa yang hendak saya sampaikan di sini ialah mengenai projek-projek kecil yang tidak mendapat perhatian walaupun projek-projek itu tidak begitu penting.

Projek-projek ini adalah seperti membina tandas awam di pasar, di balai raya dan di bangunan-bangunan surau. Misalnya, di pasar di mana terdapat orang ramai membelibelah di sana, tempat timbunan bahan-bahan makanan yang semestinya dikehendaki bersih dan keadaan di pasar juga mesti terpelihara kebersihannya.

Saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa peruntukan membina semula atau memperbaikinya adalah diharapkan oleh pengundi-pengundi daripada peruntukan seseorang Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Dewan-dewan Undangan Negeri. Oleh sebab itu saya berharap Kerajaan Federal dapat memberi peruntukan yang lebih untuk membiayai projek-projek kecil seperti yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga tambahan peruntukan perlu diberi kepada Kerajaan Tempatan untuk tujuan yang sama. Adalah mendukacitakan bahawa penduduk-penduduk Malaysia terutama sekali di luar bandar tandas-tandas awam masih terdapat cara lama dan tidak hygenic. Kerajaan kita patutlah menghapuskan cara-cara lama ini dan menggantikannya dengan membina flush system toilet.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak kemukakan ialah berkenaan dengan bandar-bandar kecil. Di kawasan Ulu Langat terdapat banyak bandar-bandar kecil bertambah kembang. Banyak bangunan-bangunan baru tersergam dan banyak projek-projek perumahan sedang dibina. Ini menyebabkan ramai penduduk-penduduk kampung keluar mencari rezeki di bandar-bandar. Walaupun begitu namun sistem bekalan air yang ada sekarang adalah seperti dahulu. Ini menyebabkan kesulitan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut dan banyak aduan-aduan yang telah saya terima. Andainya kemajuan pembangunan tidak selari dengan ratio penduduk-penduduk ini akan menimbulkan tidak puas hati dan issue.

Saya tidak lagi menerangkan, pertambahan kilang-kilang atau kilang-kilang ayan dan besi yang terdapat di Cheras di kawasan di mana terdapat bekalan air yang kurang. Kesan daripada kekurangan air ini menimbulkan kerja-kerja terganggu dan terhenti. Ini akan menyebabkan pekerja-pekerja tidak dapat bekerja dan ini bermakna mereka tidak akan dapat bayaran gaji.

Begitu juga sebaliknya hasil pengeluaran kilang akan terjejas dan harga barang-barang terpaksa dinaikkan untuk menampung perbelanjaan.

Begitu juga kekurangan tenaga elektrik berlaku di kawasan Ulu Langat. Inilah sebabnya mengapa saya menyokong Akta Pemberian Pertambahan Hasil. Inilah perkara-perkara yang hendak saya sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan agar Yang Berhormat itu dapat menimbangkan permintaan saya demi untuk kebaikan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Dungun.

4.18 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul pindaan Akta Pemberian Pertambahan Hasil, 1977 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini di atas sebab-sebab yang tertentu. Antara lain termasuklah kerana Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil ini yang diwujudkan oleh Kerajaan dalam tahun 1977 yang lalu adalah bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Ini adalah merupakan satu cara untuk menambahkan punca pendapatan Kerajaan Negeri selain dari yang telah ditetapkan sama ada melalui pemberian mengikut bilangan orang, pemberian jalan negeri, hasil-hasil tanah, hutan dan lain-lain dan serahan sebahagian hasil dari duti eksport atas galian.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti butir-butiran pindaan yang telah diwujudkan dalam fasal-fasal pindaan yang ada, kita dapati amatlah مناسب khususnya bila meneliti dalam Fasal-fasal 5 dan 7.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai salah seorang Wakil Rakyat yang mewakili negeri Trengganu sepatutnya tidak bercakap mengenai fasal pindaan ini kerana apa yang telah ditegaskan oleh banyak daripada rakan-rakan saya, Ahli Yang Berhormat yang lain membuat jolokan bahawa Trengganu sekarang ini belanjawannya merupakan surplus ataupun kewangannya agak lebih sedikit sebab hasil daripada petroleum yang dijumpai di laut Trengganu itu. Namun begitu, saya merasakan Trengganu juga berhak menerima faedah yang sama hasil daripada pindaan Akta ini. Saya mempunyai sebab-sebab tertentu, umpamanya, kalau kita lihat Fasal 7 yang menggantikan seksyen 6 Akta ibu yang menyebut maksud-maksud pembangunan yang boleh dipergunakan daripada peruntukan ini ialah termasuk bekalan air, perumahan awam dan lain-lain.

Bercakap mengenai perumahan awam, Tuan Yang di-Pertua, Trengganu tidaklah banyak sangat menerima faedah daripada projek-projek yang sudah disediakan oleh Kerajaan, khususnya di kawasan Parlimen Dungun yang saya wakili yang terdiri daripada dua daerah, Maran dan Dungun. Saya boleh buat contoh, di Maran yang penduduknya ada lebih kurang 40,000 orang sehingga kini baru ada 32 unit rumah murah yang dibangunkan oleh Kerajaan. Begitu juga di Dungun sendiri, dalam daerah Dungun yang mempunyai penduduk lebih kurang 80,000 orang itu hanya ada 100 unit rumah murah yang dibangunkan oleh Kerajaan dan tak sampai 20 unit yang dibangunkan oleh swasta.

Jadi perkembangan perumahan dengan perkembangan penduduk di kedua daerah yang saya wakili ini amatlah tidak seimbang. Oleh sebab itu dengan adanya pertambahan ini, pertambahan hasil melalui pindaan Akta ini, saya mengharapkan bahawa pekan Maran yang selama ini tidak banyak menerima faedah daripada projek perumahan awam ini akan dapat diubah, Maran akan berubah wajah di suatu hari dengan adanya projek-projek perumahan awam yang dapat dimanfaatkan daripada pertambahan hasil melalui Akta yang kita pinda hari ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya banyak lagi projek perumahan kos rendah ataupun kos tinggi dibangunkan ataupun diadakan di Maran.

Selain daripada itu, untuk kita memanfaatkan peruntukan melalui pertambahan ini ialah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang

Berhormat dari Padang Rengas tadi iaitu rancangan pemulihan kampung. Rancangan pemulihan kampung ini walaupun baru diperkenalkan kita dapati pada setengah daerah sangat popular dan mendapat sambutan yang baik, tetapi dalam pada itu, kalau kita fikirkan dari sudut-sudut moral, sudut disiplin, rancangan pemulihan kampung itu mestilah kita lebih pergiatkan lagi.

Saya maksudkan lebih pergiatkan lagi ini ialah dengan mengubah bentuk bantuan ataupun menambahkan bantuan yang diberikan kepada rancangan pemulihan itu, kerana kalau setakat \$500 atau \$1,000 itu kita hanya sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya tadi, mungkin kita dapat baiki atap, mungkin hanya dapat betulkan dinding, lantai, tangga dan sebagainya. Tetapi kita jangan lupa, negara kita ini sudah merdeka begitu lama, di waktu ini sepatutnya orang-orang kita sama ada orang bandar ataupun orang kampung sudah cukup mempunyai disiplin, disiplin di dalam rumah tangga, disiplin dalam kampung halaman dan disiplin di mana-mana, kata orang environment, alam sekitar atau persekitaran itu boleh membentuk peribadi, sikap seseorang manusia ataupun dengan tegasnya membentuk keperibadian satu-satu umat dan satu-satu masyarakat itu. Jadi oleh sebab perkampungan ataupun perbandaran yang kita tidak rancang dengan sebaik-baiknya itu mungkin akan menyebabkan keadaan orang kita, keadaan masyarakat kita, keadaan umat kita di dalam negara kita ini kurang berdisiplin. Jadi, satu cara bagi membentuk disiplin ialah melalui rancangan perumahan yang baik. Yang saya maksudkan satu-satu rumah yang hendak kita bina itu mestilah kita penuhkan dengan peraturan dan disiplin, umpamanya, bilik hendaklah kita buat banyak, tetapi malangnya projek perumahan yang sudah dibuat itu kalau dikatakan rumah kos rendah biliknya kadang-kadang hanya dua bilik sahaja tetapi ada juga yang satu bilik sahaja. Sebuah rumah yang mempunyai satu bilik yang dimiliki oleh seorang nelayan yang mempunyai anak 10 bagaimana dan di mana dapat menjaga moral, anak-anak sudah besar, ada anak teruna dan ada anak daranya hidup dalam sebuah rumah yang mempunyai hanya satu bilik. Jadi moral dan disiplin mereka itu bagaimana kita dapat bentuk, lantaran itu timbullah satu masyarakat nelayan yang tidak berdisiplin atau satu masyarakat yang suka membuat hiruk-pikuk yang menimbulkan fitnah di sana sini.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) boleh memainkan peranan penting dalam masalah ini. Saya rasa melalui pindaan ini kita boleh menambahkan lagi wang bagi melancarkan lagi perjalanan RPK kita tiap-tiap buah negeri sekurang-kurangnya, kita dapat selain daripada memperbaiki rumahtangga mereka, kita dapat merancang (planning) kedudukan ataupun set-up perkampungan mereka mengikut keadaan yang selesa dengan keadaan zaman sekarang umpamanya kita sediakan jamban, kita sediakan berbagai kemudahan asas untuk mereka menjaga disiplin dengan baikny.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga barangkali kita menghadapi perkara-perkara lain di dalam melaksanakan RPK ini. Ada setengah-setengah orang yang ada rumah tanahnya tidak ada, duduk dalam tanah orang menumpang sahaja dan ada setengah-setengah orang yang tanahnya luas rumahnya tidak terjaga dan berbagai-bagai lagi. Jadi kepada orang-orang yang ada tanah dan rumahnya tidak baik mereka tidak berkemampuan untuk menjaga, hendak memperbaiki rumah ini di sini juga barangkali melalui RPK (Rancangan Pemulihan Kampung) ini kita boleh memperbaiki rumah mereka dan juga kepada orang-orang yang tidak mempunyai tanah, Kerajaan juga mestilah menyediakan tapak tanah dan membuat rumahnya sekali dan selepas itu kita kiralah, minta dibayar cara mana kita kira-kira memberi kesenangan dan kebahagiaan kepada rakyat.

Selain daripada itu kalau kita melihat Seksyen 6 (e) baru mengenai apa-apa projek pembangunan yang lain yang boleh ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara. Majlis Kewangan Negara mengikut ketetapan Perlembagaan Perkara 108 (4) (e) yang bila dihubungkan dengan Perkara 92 (3) Perlembagaan, saya merasakan Trengganu juga berhak mendapat peruntukan yang lebih dari negeri-negeri lain khususnya kawasan Dungun juga, kerana selepas daripada penutupan Bukit Besi, Dungun telah menjadi satu bandar yang sunyi sepi tidak ada orang yang hendak pergi kerana tidak ada apa yang hendak dibuatnya di sana selain daripada "ke laut" kata orang Trengganu untuk menangkap ikan dan ada projek-projek yang lain sedikit. Jadi orang-orang Dungun selepas

itu berhijrah, ada yang berhijrah ke mana-mana, ke Singapura dan juga ke lain-lain tempat di dalam negara kita ini untuk mengejar kehidupan mereka.

Di bawah Fasal 7 iaitu Seksyen 6 (e) baru development plan untuk membolehkan atau untuk memajukan Dungun boleh dibuat, sama ada untuk mengadakan industri-industri bagi diproses bahan-bahan tempatan seperti ikan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak ada usaha-usaha ke arah itu hingga kini barangkali secara kebetulan. Baru-baru ini satu coastal study telah dibuat dan saya yakin dalam kajian itu walaupun ada saranan-saranan, cadangan-cadangan untuk memperbaiki Dungun ini dibuat. Tetapi saya merasakan satu faktor penghalangan yang besar bagi melaksanakan saranan-saranan itu ialah terdapatnya tanah-tanah hak milik (alienated land) di sepanjang pantai di negeri Trengganu itu sendiri termasuk kawasan Dungun.

Walaupun direkomenkan berbagai-bagai projek dan industri-industri, tetapi kita tidak dapat melakukan, tidak dapat laksanakan dengan segera barangkali kerana tanah-tanah yang ada di sepanjang pantai itu adalah lebih $\frac{3}{4}$ daripadanya menjadi hakmilik orang-orang perseorangan. Jadi ini pun satu perkara. Termasuk juga dalam coastal study ini barangkali untuk mengkaji kedudukan muara-muara sungai atau kuala-kuala yang menjadi tempat keluar-masuk nelayan-nelayan di seluruh Trengganu termasuklah kuala-kuala sungai di dalam kawasan Parlimen Dungun iaitu di Marang. Oleh itu untuk memperbaiki Dungun melalui pindaan ini iaitu Seksyen 6 (e) baru ini saya mencadangkan supaya semua kuala-kuala sungai yang ada di seluruh negeri Trengganu itu hendaklah diperbaiki khususnya kuala sungai Marang yang pada satu ketika dalam tahun 1978 dahulu Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri telah menyatakan meluluskan satu peruntukan kepada rakyat Marang untuk memperbaiki kuala itu yang hingga kini masih belum lagi terlaksana.

Selain daripada itu satu kajian pembangunan untuk tanah-tanah hak milik ini hendaklah dibuat dengan segera. Maksud saya kajian kepada tanah-tanah milik sahaja, kita kaji dan kita carilah jalan untuk membangunkan tanah-tanah ini sesuai dengan dia itu menjadi hak milik. Saya rasa dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini melalui

pindaan kepada Akta Pemberian Pertambahan Hasil ini, saya rasa rakyat Trengganu amnya dan rakyat di kawasan Dungun yang saya wakili khasnya dapat menikmati nikmat yang sama dengan rakyat lain dalam negara kita ini.

Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

4.37 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 1979 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini semalam.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi dan tidak ragu-ragu negara kita sedang melahirkan perubahan dengan begitu pesat ke arah aman, makmur dan bersatu-padu. Untuk mencapai hasrat yang dijanjikan kepada rakyat tidak mungkin dicapai jika kita hanya pandai berjanji dan pembangunan dianggarkan sahaja dan ongkosnya hanya dengan gigi dan lidah. Kita tahu tidak ada wang ertinya tidak ada projek yang dapat dilaksanakan, jika kita terpaksa mencurahkan berjuta-juta untuk menjawab perubahan yang sering di luar dugaan seperti mana Kerajaan bukan sahaja memberi subsidi baja, minyak dan keperluan sehari-hari rakyat dan kenaikan gaji

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sekejap dahulu, Setia-usaha, bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan Ahli ada lebih daripada 26 orang, maka mesyuarat diteruskan. Sila sambung semula.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya kembali.

Kita tahu tidak ada wang ertinya tidak ada projek yang dapat dilaksanakan. Jika kita terpaksa mencurahkan berjuta-juta untuk

membawa perubahan yang sering di luar dugaan di mana Kerajaan bukan sahaja memberi subsidi baja, minyak dan keperluan sehari-hari rakyat dan kenaikan gaji, elaun dan kenaikan harga barang-barang binaan, bantuan-bantuan bencana alam, bantuan kebajikan, memenuhi rayuan-rayuan rakyat, membuat peruntukan tergepar dan menambah peruntukan negeri-negeri, maka segala rupa yang memerlukan wang seperti yang dikatakan tadi tidak akan dapat diatasi jika Menteri Kewangan seorang yang kedekut dan pula jika tabungnya sudah kekeringan. Nyatalah sekarang walau banyak mana sekalipun rintangan-rintangan yang dihadapi oleh Kerajaan dengan soal mengatasinya dengan wang atau lain-lain maka semuanya telah kita lihat, dengar dan telah dapat dibendung dengan baik.

Saya ingin juga membawa renungan bersama bagaimana tambahan wang penting melaksanakan peruntukan seperti bertambahnya kos pembinaan jalanraya, pejabat-pejabat dan membaiki rumah-rumah ibadat semua kaum. Kenaikan harga minyak dan pengangkutan, meluaskan kemudahan asas di kampung seperti bekalan api, air dan jalan tar dan kelengkapan-kelengkapan keperluan pejabat yang telah berleluasan dan bilangan pegawai-pegawai telah bertambah di hari ini dan lain-lain lagi mesti diatasi dengan wang. Keamanan negara kita sama ada di laut, di darat dan di udara mestilah juga dilengkapi dengan alat-alat moden. Hospital-hospital, sekolah-sekolah, pejabat-pejabat pos dan "Operasi Isi Penuh" serta perkembangan perdagangan semuanya untuk kepentingan rakyat dan negara semuanya mesti diatasi dengan wang juga.

Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan telah menyedari hakikat ini dan dengan adanya peruntukan walaupun berlipatganda dari tahun yang sudah-sudah itu adalah sungguh dari kebijaksanaan Menteri Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan dan pegawai-pegawainya mengatur dengan teliti-nya secara perincian. Oleh sebab segala-galanya terletak di bahu Kerajaan dan pula semestinya menjadi tanggungjawab Kerajaan, maka Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 1979 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan itu saya dengan penuh hasrat hati menyokongnya untuk diluluskan. Bagi pihak rakyat negeri Perak khususnya daerah Kuala Kangsar, saya mengalu-alukan hasrat ini di

samping mengharap untuk mengecapi nikmatnya bersama-sama dengan negeri-negeri yang lain.

Sungguhpun negeri Perak dikatakan sebuah negeri yang agak maju tetapi masih banyak lagi kampung-kampung yang sangat memerlukan pembangunan dengan cepatnya. Misalnya di kawasan saya di Kuala Kangsar banyak kampung-kampung di sepanjang Sungai Perak yang mempunyai penduduk yang ramai yang masih memerlukan kemudahan asas terutama jalan tar bagi menyenangkan pengeluaran hasil getah dan hasil pertanian mereka dan juga bekalan api elektrik dan air. Sungguhpun mereka itu duduk di tepi Sungai Perak tetapi untuk pengetahuan kita bersama air Sungai Perak sudah hampir kering.

Saya juga menyokong rakan saya daripada Grik dan juga Padang Rengas supaya didirikan lebih banyak lagi rumah-rumah murah dan membuka lebih banyak lagi tanah-tanah rancangan untuk penduduk-penduduk di luar bandar khususnya di negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya merayu wang peruntukan yang bakal diluluskan ini dapat disalurkan dengan segera mengikut jadualnya ke negeri-negeri terutamanya ke negeri-negeri yang kurang maju supaya dapat mempergiatkan lagi usaha pembangunan dengan cepat dan pesat. Tidaklah tertunggu-tunggu sehingga bertahun-tahun lamanya baru pembangunan sesebuah negeri itu dapat dilaksanakan dan dengan ini jurang pembangunan antara negeri-negeri dapat dikurangkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Teluk Anson.

4.48 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Akta asal dan Rang Undang-undang ini adalah bertujuan bagi negeri-negeri dalam negara kita untuk menikmati sebahagian hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan lain-lain perkataan ini merupakan sebahagian

sistem membahagikan hasil atau revenue sharing system antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Oleh yang demikian, saya berpendapat pemberian-pemberian yang diberi kepada negeri-negeri itu tidak payah dihadkan kepada \$50 juta ataupun \$100 juta. Sebenarnya terdapat ayat di hujung Seksyen 2 Rang Undang-undang ini yang berbunyi begini:

“Dengan syarat bahawa had seratus juta ringgit, lima puluh juta ringgit dalam perenggan (a) dan lima puluh juta ringgit dalam perenggan (b) boleh dikaji semula dan diubah oleh Menteri.”

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adalah berkuasa untuk memberi lebih atau kurang daripada \$50 juta atau \$100 juta dan had itu adalah redundant atau berlebihan. Jika pihak Kementerian bersetuju bahawa tujuan Rang Undang-undang ini dan Akta asal ini ialah bagi negeri-negeri menikmati sebahagian hasil Persekutuan, saya bercadang satu peratusan tertentu atas jumlah hasil Persekutuan yang diperolehi tiap-tiap tahun itu diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, tidak mengira sama ada hasil Persekutuan bertambah atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini bukanlah cadangan yang baharu, kerana adalah amalan biasa sekarang bagi Kerajaan Persekutuan untuk memberi pemberian-pemberian mengikut bilangan penduduk (capitation) dan pemberian-pemberian jalanraya kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Grant-grant ini diberi tiap-tiap tahun dengan tidak mengira sama ada hasil Persekutuan bertambah atau tidak. Saya berpendapat Kerajaan-kerajaan Negeri patut dapat menikmati bahagian yang lebih besar atas hasil Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan bahawa sebahagian hasil Persekutuan ini diberi secara langsung kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan juga. Kerajaan-kerajaan Tempatan adalah dianggap sebagai sebahagian sistem Kerajaan dalam negara kita. Tetapi perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Tempatan adalah sangat-sangat kurang memuaskan dan kurang baik sekarang. Dari segi Kerajaan-kerajaan Tempatan, Kerajaan Persekutuan ialah hanya satu badan yang membuat undang-undang

yang mereka harus mematuhi. Misalnya, Kerajaan Persekutuan menentukan tanggagaji yang mereka tidak sanggup membayar Tanpa bantuan dan pinjaman tetapi apabila masalah kewangan berbangkit, Kerajaan Tempatan ditolak ke Kerajaan-kerajaan Negeri sahaja. Ini adalah diibaratkan seorang anak bersekolah di seberang laut, bapanya hanya memberi nasihat tiap-tiap hari dan tidak memberi wang.

Sebenarnya kehidupan (existence) Kerajaan-kerajaan Tempatan pada amnya bergantung atas cukai pintu sahaja, Sumber kewangan mereka adalah terhad. Misalnya cukai panggung-panggung wayang dikutip oleh negeri walaupun panggung-panggung wayang itu ditempatkan dalam kawasan pentadbiran L.P.K.T. Kenderaan-kenderaan berat atau ringan yang menggunakan jalan-jalan dalam bandar tetapi cukai kenderaan itupun dikutip oleh Persekutuan. Oleh yang demikian, saya harap rayuan saya untuk memberi pemberian-pemberian tahunan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan secara langsung dapat ditimbang dengan seriusnya. Jika cadangan ini tidak dapat diterima, saya bercadang pemberian-pemberian kepada negeri-negeri itu disyaratkan bahawa sebahagiannya diberi kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit sebanyak tentang pindaan Seksyen 5 Rang Undang-undang ini yang berbunyi: “. kewangan hendaklah diperuntukkan hanya selepas akaun-akaun semua hasil yang diterima oleh Persekutuan bagi tahun kewangan yang dahulunya telah dikutip dan diodit.” Apabila peruntukan ini dikuatkuasakan ini bermakna negeri-negeri harus menunggu selama beberapa tahun untuk mendapat dan menggunakan pemberian-pemberian itu, kerana pada biasanya akaun-akaun Persekutuan hanya dapat selesai diodit dua atau tiga tahun kemudiannya. Misalnya, akaun Persekutuan bagi tahun 1975 hanya selesai diodit pada bulan Mac, 1977 dan dibentangkan di Dewan ini pada tahun ini sahaja. Sebab-sebab melambatkan kerja odit adalah satu perkara yang berlainan dan harus dibahaskan dengan panjang lebar pada satu masa yang lain. Nampaknya kedudukan kelambatan penyampaian akaun-akaun yang diodit itu tidak boleh dielakkan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan pemberian sementara (interim grant) diberi kepada negeri-negeri sambil akaun-akaun

Persekutuan diodit. Ini akan membolehkan negeri-negeri menggunakan kewangan tambahan tanpa menunggu dengan lamanya.

Akhirnya saya ingin menyentuh tentang pindaan kepada Seksyen 6. Saya bercadang maksud-maksud pembangunan itu diperluaskan supaya pemberian-pemberian itu boleh digunakan bagi tujuan pembinaan market dan sewerage system atau pembetulan, incinerator dan tempat-tempat sembahyang baik mesjid-mesjid, surau-surau atau tokong-tokong. Jika maksud-maksud ini dapat dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini, Kerajaan-kerajaan Negeri tidak payah menunggu keputusan Majlis Kewangan Negara yang jarang-jarang bermesyuarat. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

4.57 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini.

Seperti yang kita faham salah satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mengadakan pembahagian hasil pertumbuhan ekonomi secara lebih serata dan saksama di antara wilayah-wilayah dalam negeri dan bagi mengisi matlamat ini Rancangan Malaysia Ketiga di antara lain memperakukan supaya ditingkatkan pendapatan kewangan bagi negeri-negeri yang miskin iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Trengganu. Rancangan kemajuan wilayah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga juga bertujuan untuk menambah pendapatan memperluas peluang-peluang pekerjaan dan menambah keperluan-keperluan sosial di negeri-negeri yang paling tinggi nisbahnya (incidence of poverty). Akta yang ada di hadapan kita ini tidak syak lagi akan menjadi salah satu daripada alat-alat untuk mencapai kedua-dua matlamat itu. Akta ini juga memberi makna yang lebih bererti di dalam hubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hubungan pembahagian—growth revenue. Rang Undang-undang ini akan membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri dapat bantuan kewangan yang lebih besar dari Kerajaan Pusat dan bahawa negeri-negeri yang termiskin akan mendapat layanan istimewa kerana kemiskinannya.

Pada masa yang lepas grants daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri diberi atas pertimbangan jumlah penduduknya. Ini bererti negeri-negeri yang kecil bilangan penduduknya yang mendapati sukar untuk berlumba-lumba dengan negeri-negeri yang jumlah penduduknya besar.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini cuba membetulkan keadaan ini iaitu disamping pembahagian grants atas dasar bilangan penduduk dan juga diberi berdasarkan keperluan pembangunan seperti yang dicerminkan di bawah Seksyen 4(a).

Seksyen 4A ini mahu mengadakan peruntukan khas secara proportionate untuk negeri-negeri yang pendapatan per kapitanya lebih rendah daripada pendapatan per kapita negara. Ini bererti semua negeri akan mendapat faedah dari seksyen ini kecuali negeri-negeri Selangor yang perkapitanya ialah \$3,083; Sabah \$2,198.2; Pulau Pinang \$1,900.6 dan Pahang \$1,740.3. Semua negeri-negeri yang berkenaan tadi mempunyai pendapatan per kapitanya melebihi pendapatan per kapita negara sebanyak \$1,676.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negeri saya, negeri Trengganu digulungkan di dalam kumpulan empat negeri yang berpendapatan paling rendah bersama-sama negeri Kedah, Perlis dan Kelantan. Bagaimanapun purata kadar pertumbuhan (growth) tahunan bagi average annual rate of growth bagi negeri Trengganu pada masa ini ialah pada kadar 10.9% setahun iaitu antara yang tertinggi sekali di negara ini selepas pertumbuhan negeri Sabah dan Pahang masing-masing dengan 11.7% dan 11.3%. Tetapi bersyukur bahawa pertumbuhan yang baik ini ialah kerana anugerah dari Tuhan minyak yang dijumpai di perairan Trengganu. Pada masa ini negeri Trengganu mempunyai per kapitanya sebanyak \$1,005.5 dan jikalau didasarkan kepada growth 10.9% setahun itu negeri Trengganu akan dapat mencapai taraf per capita income negara sebanyak \$1,676.3 tadi dalam masa lima tahun atau mungkin kurang daripada itu. Ini bererti di bawah seksyen 4A ini secara berterusan, namun begitu saya dengan hati yang bulat mengalu-alu Rang Undang-undang ini terutama seksyen 4A.

Tuan Yang di-Pertua, semangat dan falsafah yang terdapat di dalam seksyen 4A amat elok dijadikan satu falsafah yang menjadi asas bagi Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membuat peruntukan-peruntukan pembangunan bagi peringkat daerah untuk menjamin supaya pembangunan daerah juga dapat dijalankan kesertaannya. Seperti yang kita maklum jurang perbezaan di dalam pembangunan sosial dan ekonomi bukan sahaja terdapat antara satu negeri dengan satu negeri yang lain tetapi juga terdapat di antara satu daerah dengan satu daerah yang lain di dalam satu negeri yang berkenaan. Ada daerah-daerah yang purata pendapatan per kapita penduduknya tinggi, kerana itu dapat mampu mengadakan kemudahan-kemudahan hidup yang lebih sempurna untuk penduduknya, tetapi juga ada daerah-daerah yang pendapatan purata penduduknya lebih rendah daripada pendapatan purata negeri itu sendiri.

Jadi selain daripada faktor pendapatan penduduk, pembangunan sesuatu daerah juga bergantung kepada faktor-faktor lain, misalnya faktor siapa yang menjadi Wakil Rakyat di dalam kawasan itu. Ada kejadian-kejadian di mana daerah-daerah yang diwakili oleh wakil rakyat yang memegang jawatan executive akan lebih cepat tempo pembangunannya kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang diwakili oleh wakil-wakil rakyat yang tidak kedudukan executive.

Saya percaya kalau falsafah pembahagian rezeki yang terkandung di dalam seksyen 4A ini diamalkan pula oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam memberi peruntukan kepada daerah-daerah, maka kita akan dapat melihat suatu pembangunan yang lebih ketara di masa depan bahkan lebih jauh daripada itu seksyen ini juga boleh dijadikan satu asas ataupun satu formula untuk kita mengadakan pembahagian rezeki yang lebih adil dan saksama bagi rakyat individu. Saya ingin melihat di mana mungkin pengeluaran lesen, permit, kelulusan tender dan lain-lain kelulusan oleh Kerajaan yang boleh menjadi punca rezeki kepada rakyat individu dibuat atas dasar sama ada si pemohon itu sudah mencapai paras pendapatan per kapita negara ataupun tidak dan bahawa keutamaan hendaklah diberi kepada pemohon-pemohon yang belum lagi mencapai paras tersebut.

Rang Undang-undang ini secara singkat mengatakan bahawa semua negeri menerima layanan yang sama dan saksama dari Kerajaan Pusat tetapi negeri-negeri yang miskin mendapat layanan yang lebih sama dan lebih saksama kerana kemiskinannya. Namun demikian, it follows bahawa kita harus memberi layanan yang sama dan saksama kepada rakyat individu, tetapi bagi rakyat yang miskin, mereka akan mendapat layanan yang lebih sama dan lebih saksama kerana kemiskinan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan penentuan seperti ini ia menjadi suatu perkara yang penting yang kita harap dapat segera dicapai melaluinya, harap dapat kita capai keadilan dan kesaksamaan di dalam pembahagian pendapatan di kalangan rakyat individu yang memang menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat menarik apabila Rang Undang-undang ini dibentangkan di dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin iaitu Rang Undang-undang ini mendapat sokongan daripada pihak Pembangkang. Ini bukanlah bermakna kita hendak sangat sokongan daripada pihak Pembangkang di dalam Dewan ini tetapi eloklah sekali-sekali pihak kita diyakini oleh mereka bahawa mereka juga boleh bersikap rasional jikalau mereka mahu bersikap rasional iaitu menyokong perkara yang patut disokong dan bukan menentang semata-mata kerana mahu menentang. Walaupun kami di sebelah sini berpendapat bahawa apa yang kami buat selama ini memanglah untuk kebaikan rakyat dan negara namun sekali-sekali sahaja kita dengar pihak Pembangkang DAP dan PAS menyokong dan memberi pujian kepada usaha-usaha kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sepatutnya sudah lama dibentang dan dibawa ke Dewan ini. Namun demikian, kita orang putih: better late than never atau lebih baik lambat daripada tiada langsung.

Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan kerana mengemukakan Rang Undang-undang ini, dan saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Semerah.

5.10 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan menyokong penuh di atas inisiatif konstruktif Kementerian Kewangan yang telah mengemukakan suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 yang akan mula berkuatkuasa terbit fajar Januari, 1980 nanti. Bila menyebut pada kewangan, ramai orang berminat untuk memberikan komen dan pendapatnya kerana masing-masing itu sentiasa berharap-harap dan terharap-harap agar nikmat dan kemudahan yang dimimpikan dan diidamkan selama ini akan benar-benar menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negeri adalah sentiasa taat dan patuh serta sentiasa memberikan kerjasama kepada Kerajaan Pusat tetapi banyak juga projek-projek yang tergendala yang tidak dapat dijalankan mengikut bagaimana yang dijadualkan ialah kerana menunggukan ikhsan dan tambahan peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Maka dengan adanya Rang Undang-undang Pindaan yang diperuntukan ini nanti Insya Allah usaha-usaha akan dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk masuk ke tanah besar Malaysia dari selatan mestilah melalui negeri Johor, begitu juga mengekspor barang-barang keluar negeri. Kemudahan-kemudahan untuk mengendalikan import eksport sama ada melalui laut iaitu Pelabuhan Pasir Gudang yang telah disediakan dan juga melalui Senai Airport yang juga telah disediakan tetapi kedua-dua ini belumlah dapat mendatangkan hasil yang memuaskan kerana banyak lagi peruntukan yang diperlukan untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan ini. Umpamanya di Lapanganterbang Senai tidak ada kemudahan mendapatkan bekalan minyak bagi kapalterbang yang hendak mendarat. Di kawasan-kawasan yang berdekatan tidak ada faktori-faktori yang boleh mengeluarkan kargo-kargo untuk diekspor. kemudahan-kemudahan hotel tempat menginap, recreation centre dan lain-lain yang mana kemudahan ini semuanya akan memberi pertambahan hasil kepada negeri dan Pusat.

Begitu juga Pelabuhan Pasir Gudang. Hasil-hasil negara masih diekspor melalui Singapura. Ini ialah kerana kemudahan yang diperlukan oleh sebuah pelabuhan itu belum lengkap, ini bukan sahaja tidak cukup peruntukan tetapi kita masih memerlukan

ramai kakitangan yang berkebolehan. Dari itu saya ingin mencadangkan supaya ramai lagi para-para belia kita dihantar dan diberi latihan bagi menguruskan pelabuhan-pelabuhan ini. Bukanlah belia-belia itu hanya diberikan latihan-latihan yang ringan dan menghayalkan seperti bersolek, mendandan rambut, mengambil gambar, menari atau berpoya-poya. Negara yang sedang membangun memerlukan tenaga-tenaga muda untuk kemajuan teknologi yang paling accurate dengan penuh efficiency. Pusat-pusat latihan belia seumpama ini perlu dilengkapkan dan ini memerlukan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menasihatkan hendaklah negeri-negeri pandai mencari pertambahan hasil. Terima kasih di atas ingatan itu. Tetapi, sayugialah Yang Berhormat Timbalan Menteri ingat biarlah kita mengumpukan kerisi kalau hendakkan tenggiri. Di antara sumber hasil lumayan yang boleh dijayakan oleh negeri-negeri ialah bekalan air. Malangnya masih banyak lagi kawasan di negeri yang masih belum dapat bekalan air. Air dijual ke Singapura dengan harga murah. Setelah ditapis, Johor membeli balik dengan harga yang mahal. Singapura menikmati keuntungan berpuluh-puluh juta ringgit memperniagakan air negeri Johor kerana mereka mengeluarkan modal yang besar membina saluran-saluran air dan loji-loji yang moden untuk menampung, menapis dan menyimpan air serta menjualnya balik kepada faktori-faktori dan kapal-kapal dengan harga yang mahal. Manakala pihak kita tidak dapat menyediakan tangki-tangki kecil untuk membekalkan air kepada penduduk-penduduk luar bandar. Kalau tuan-tuan lalu di kawasan saya Semerah, sepanjang jalan berderet-deret tempayan-tempayan kosong, baldi-baldi dan besen plastik menunggu bekalan air yang dihantar oleh JKR dengan lori dua atau tiga hari sekali, hanya cukup untuk minum apa hal untuk mandi maka terpaksa dry cleaning sahaja, bak kata Allahyarham P. Ramlee "Bangun pagi, cukuplah cuci mentol sahaja". Kajian telah dibuat bila kebocoran paip yang berlaku di mana JKR tidak dapat mengesan pada hal orang kampung sudah berkali-kali memberi tahu, datang satu pasukan besoknya balik terus hilang tidak datang lagi. Kebocoran yang dibiarkan berlarutan itu menyebabkan Kerajaan negeri mengalami kerugian tidak kurang \$5 juta setahun. Kiranya semua tempat, daerah dan kawasan ada disediakan

dengan kemudahan asas yang sangat-sangat diperlukan ini tentulah hasil negeri itu akan dapat dipertingkatkan dan dipertingkatkan lagi. Saya juga menyeru dan berharap agar Jabatan Kerjaraya dan Kemudahan Awam akan benar-benar berusaha dan menolong untuk memberi kemudahan awam yang diamanahkan ke atas bahu mereka. Jika susah hendak menghantar lori eloklah disediakan stand pipe atau tangki-tangki sementara seperti yang dibuat oleh PERNAS dengan bekalan minyak yang ada pada hari ini dan ini akan menambahkan hasil pendapatan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 7 tidak ketinggalan juga perhatian diberikan tentang perumahan awam, saya kira termasuklah rumah Kerajaan. Negeri Johor banyak terdapat pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Federal. Kebanyakan daripada mereka ini juga memohon ditempatkan di quarters Kerajaan Negeri. Maka saya berharap peruntukan yang akan diluluskan itu biarlah sampai kepada had maksimumnya \$100 juta dan kalau boleh dilebihkan lagi kerana peruntukan yang diluluskan ini pun akan berupa satu pelaburan juga supaya Kerajaan negeri dapat lagi membina banyak lagi quarters bagi menempatkan pegawai-pegawai dan kakitangan negeri dan Pusat, kerana setahu saya Kerajaan Negeri hanya mempunyai kira-kira 700 buah quarters dan kakitangan Kerajaan yang berhak dan layak jumlahnya ribu. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah perumahan tiap-tiap negeri supaya tidaklah pandangan menjadi hodoh dengan mercupnya rumah-rumah kilat atau rumah-rumah haram yang didirikan di mana suka tanpa terkawal. Saya inginlah mencadangkan supaya peruntukan diberi kepada Kerajaan negeri bagi membeli tanah pusaka yang hendak dijual oleh warith-warith sekali pun sedikit umpamanya seluas 5 ekar ini pun sesudah diadakan feasibility studies supaya dapat didirikan rumah terrace umpamanya 5 ekar boleh dapat lebih kurang 75 buah rumah terrace, kalau dibuat tiga tingkat sudah tentu dapat menampung sebanyak 225 unit rumah kos murah untuk rakyat. Janganlah dibiarkan dengan pemaju-pemaju perumahan semata-mata bagi mengusahakan pembinaan-pembinaan rumah serta meletakkan harga yang sewenang-wenangnya. Yang menjadikan harga rumah ini begitu tinggi bukanlah faktornya semata-mata terletak pada harga bahan-bahan, faktor yang utama sekali ialah permintaan untuk menukar

syarat yang mengambil masa bertahun-tahun tidak dapat diselesaikan, inilah yang menyebabkan segala-galanya tergendala dan naik.

Saya juga berharap bahawa pentadbiran Pejabat Tanah akan dapat dikemaskinikan supaya segala-galanya dapat berjalan dengan lancar dan tidak banyak masa terbuang. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang memberatkan rakyat untuk mendapatkan rumah kos murah ini yang sebenarnya mahal ialah perbelanjaan lawyer sampai kena bayaran surat lawyer seribu ringgit. Begitu juga untuk rakyat membuat pinjaman kepada bank-bank. Belanja membuat kertas kerja untuk satu pinjaman kepada Bank Rakyat misalnya adalah dikenakan sebanyak \$200. Buat satu dokumen mengakui yang dia itu mempunyai seorang partnership dalam perniagaannya maka seorang lawyer itu akan charge si peminjam itu sebanyak \$199.50 misalnya harga bata. Saya tidak faham barangkali ini adalah satu psikologi perniagaan. Sudahlah begitu memproses pun cukup lambat. Umpamanya baharu-baharu ini seorang rakan saya minta tolong buat pinjaman kepada Bank Rakyat daripada sebelum Hari Raya; bengkel sudah ada, showroom sudah ada tetapi beliau ini tidak ada mempunyai pengangkutan dan terpaksa mengemukakan pinjaman dengan Bank Rakyat untuk membeli sebuah lori kecil hendak menghantar barang-barang tempahan. Bank Rakyat minta siapkan dokumen-dokumen secara beruncit-runcit tidak sekali gus. Akhirnya sehingga hari ini, sudah 3 bulan lebih, pinjaman belum diluluskan. Macam mana cara hendak menolong bumiputra berniaga?

Saya juga berharap supaya bank ini bergabung dengan menyediakan seorang peguam khusus untuk membuat dan menyediakan segala dokumen-dokumen yang diperlukan oleh pihak bank supaya tidaklah rakyat terlari ke sana, terlari ke mari mencari lawyer untuk membuat agreement yang hanya 4-5 baris dan beberapa helai kertas serta stem hanya \$2 tetapi dichargenya sebanyak \$200. Maka legal firms inipun sama juga. sama naik membuat kekayaan, sama dengan pemaju-pemaju perumahan. Maka saya berharap Kementerian Kewangan akan memberi perhatian.

Saya juga berharap bahawa bank-bank yang telah mengeluarkan hutang atau pinjaman kepada ahli-ahlinya setiap bulan

mengirimkan reminder kepada peminjam-peminjam yang lambat menjelaskan hutangnya, janganlah dibiarkan hingga sudah bertimbun-timbun baru diingatkan dan dibuat tuntutan serta ugutan hendak lelong. Apa yang saya lihat seperti yang dijalankan oleh syarikat swasta yang kerjanya sistematik dan up-to-date mengingatkan peminjam-peminjamnya dengan peringatan, amaran yang keras, panggilan telefon dan lain-lain supaya pembayaran dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cara yang boleh menambahkan hasil negeri ialah jalan. Saya berasa dukacita banyak lagi jalan-jalan kampung dan luar bandar di kawasan saya yang belum mendapat pembelaan pada hal hasil pertanian yang bukan sedikit nilainya dikeluarkan daripada kawasan-kawasan ini. Saya setuju dengan rakan-rakan saya supaya keutamaan hendaklah diberi kepada kawasan-kawasan luar bandar kerana dengan daya dan usaha merekalah orang-orang di bandar dapat menikmati segala kemewahan dan kesenangan. Janganlah mereka itu terus-menerus menerima nasib lilin menerangkan orang lain tetapi membakar diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk kampung dan luar bandar tidak memerlukan banyak kemewahan-kemewahan yang berlebihan. Perpaduan mereka masih teguh, tempat mereka berbincang akan kesulitan-kesulitan kampung adalah di surau-surau dan di masjid-masjid tetapi didapati banyak lagi masjid-masjid di kawasan luar bandar yang belum dapat perhatian seperti Masjid Jame' Semerah Darat yang hampir roboh, Sungai Balang dan juga Parit Kuasa di kawasan saya. Peruntukan yang diluluskan hanya sebanyak \$30.000. Pada tahun 1974 lagi pihak JKR telah tidak sanggup mendirikan dengan peruntukan sebanyak itu, apatah lagi sekarang. Kekurangan ini telah berkali-kali di-suarakan tetapi sehingga ke hari ini belum juga mendapat perhatian.

Saya berharap apa yang menjadi kegemaran dan kesukaan rakyat ini akan dapat diberikan pertimbangan dan keutamaan sebagaimana kata bijak pandai dalam bahasa Arab, dengan izin; Ah sin illanas yastaq bir ulu bahum. Buat baiklah kepada kawan, nescaya hati mereka kamu dapat tawan. Bila hati sudah tertawan, pastilah mereka akan menjadi pengikut-pengikut dan penyokong-penyokong kita yang setiawan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan), 1979.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

5.22 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, salah satu ketidak-seimbangan ekonomi di negeri ini ialah ketidak-seimbangan pertumbuhan ekonomi di antara negeri-negeri dan sebarang usaha Kerajaan Pusat untuk membetulkan ketidak-seimbangan ekonomi di antara negeri-negeri akan mendapat sokongan penuh parti DAP.

Pada masa sekarang negeri yang paling mundur dari segi kemunduran ekonomi jika dipandang dari kaca mata per capita Gross Domestic Product ialah negeri Kelantan yang hanya menguasai 0.38 per capita. GDP negara; Kedah dan Perlis yang menguasai 0.54 per capita GDP dan Trengganu pula menguasai 0.60 per capita GDP negara. Pihak Barisan Nasional tidak jemu menyalahkan pemerintahan PAS di Kelantan yang menyebabkan kemunduran ekonomi negeri tersebut sungguhpun pihak Barisan Nasional tidak menggunakan lojik-lojik yang sama yang menunjukkan oleh kerana PAS memerintah Kelantan dan sebab itu negeri Kelantan mundur untuk negeri Kedah dan Perlis yang dikuasai oleh Barisan Nasional, sebab-sebab kemunduran ekonomi Kedah dan Perlis ialah oleh kerana pemerintahan Barisan Nasional atau dahulu Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah boleh main politik dengan perkara pembangunan. Tugas menghapuskan kemiskinan dan kemunduran adalah menjadi malang kepada negara kita. Terdapat pemimpin-pemimpin politik yang terlalu sempit fikiran mereka sehingga mereka lupa tanggungjawab-tanggungjawab nasional yang lebih besar. Umpamanya pada hari semalam di Dewan yang mulia ini ada seruan dibuat supaya kawasan-kawasan yang di bawah pihak Pembangkang hendaklah dinafikan pembangunan ataupun kawasan-kawasan tersebut hendaklah didiskriminasikan. Mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut tidakpun mencadangkan supaya pilihanraya umum dimansuhkan dan Parlimen ditutup. Adalah

sangat sedih untuk perhatian, terdapat pemimpin-pemimpin politik yang kini sudah pun ada yang menjadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak memahami perkara-perkara yang sangat mudah tentang tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Kerajaan. Parti-parti pemerintahan dalam gabungan Barisan Nasional adalah satu konsep dan entity yang berlainan daripada Kerajaan. Pihak Barisan Nasional telah memperolehi lebih kurang 55% undi dalam pilihanraya umum tetapi sebagai Kerajaan, ia patut menjaga kepentingan 100% rakyat termasuk mereka yang telah mengundi menentang Barisan Nasional.

Kerajaan mempunyai tugas untuk menjalankan projek pembangunan dan belanja wang pembangunan demi kepentingan semua rakyat Malaysia dan tidak harus mendiskriminasikan di antara kawasan-kawasan Barisan Nasional dengan kawasan-kawasan Pembangkang. Ini adalah kerana pertama, wang awam bukan datang dari saku Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tetapi wang tersebut datang dari rakyat.

Kedua, jika sekiranya Kerajaan mengambil sikap demikian dan ia akan membela mereka yang telah mengundi Barisan Nasional, maka kita akan sampai ke satu keadaan di mana rakyat dari kawasan-kawasan Pembangkang akan menyoalkan hak moral dan politik, termasuk hak legal Kerajaan untuk pungut cukai dan bayaran dari mereka jika sekiranya Kerajaan tidak menganggap dirinya sebagai Kerajaan untuk semua rakyat Malaysia. Apa gunanya bagi pemimpin-pemimpin Kerajaan membuat ucapan-ucapan tentang perpaduan negara sedangkan Kerajaan hanya bertindak seolah-olah ia bukanlah Kerajaan untuk semua rakyat Malaysia tetapi hanya Kerajaan untuk sebahagian.

Demi kepentingan masa depan Malaysia dan juga generasi-generasi akan datang, saya menyeru pemimpin-pemimpin politik supaya mengikis sikap-sikap yang sangat taktik yang memecahbelahkan dan anti-nasional dan sebaliknya mendedikasikan diri mereka untuk mencipta asas yang lebih besar untuk membuat rakyat merasa mereka adalah satu negara dan bukan membuat mereka berpecahbelah.

Tuan Yang di-Pertua, kemunduran ekonomi negeri-negeri seperti Trengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis memerlukan usaha khas Kerajaan dan dalam pada itu saya

cadangkan bahawa Kerajaan menimbang menggunakan (invoke) Perkara 92 dalam Perlembagaan Persekutuan dan mengisytiharkan kawasan-kawasan pembangunan di negeri-negeri tersebut supaya dapat membetulkan ketidak-seimbangan ekonomi di antara negeri-negeri.

Perkara 92 dalam Federal Constitution ialah berkaitan dengan rancangan pembangunan kebangsaan dan memperuntukan bahawa jika sekiranya selepas satu perakuan dibuat daripada sebuah jawatankuasa kepakaran dan selepas perundingan dengan Majlis Kewangan Negara, Majlis Tanah Negara dan Kerajaan Negeri yang berkenaan, Yang di-Pertuan Agong jika Baginda puas hati demi kepentingan negara, satu rancangan pembangunan hendaklah diadakan di mana-mana satu kawasan dalam mana-mana Negeri maka Yang di-Pertua Agong boleh, selepas menerbitkan rancangan tersebut, mengisytiharkan kawasan tersebut sebagai kawasan pembangunan, selepas itu Parlimen mempunyai kuasa untuk memberi kuasa atau effect terhadap rancangan pembangunan itu, sungguhpun rancangan tersebut menyentuh perkara-perkara yang ada di dalam bidang kuasa negeri. Tetapi memang sebelum kawasan pembangunan diisytiharkan negeri berkenaan atau negeri-negeri yang terlibat hendaklah bukan sahaja dirunding terlebih dahulu tetapi harus menyetujui dan merangka satu formula di mana Kerajaan Negeri boleh menyertai dalam pelaksanaan rancangan pembangunan tersebut supaya menentukan prinsip federalisma tidak akan terjejas terlemah dengan seriusnya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pihak kita, parti DAP, menyokong peruntukan-peruntukan tambahan untuk tujuan pembangunan negeri akan tetapi partai kami memandang berat terhadap kekurangan mekanik jentera atau mechanism yang berkesan untuk mencegah penyelewengan, malahan juga pengkhianatan objektif-objektif pembangunan. Satu contoh yang ketara ialah bersabit dengan Syarikat Sri Linggar di Melaka.

Dalam tahun 1975 negeri Melaka mempunyai sebanyak 418,000 ekar tanah yang sesuai untuk pertanian (arable land) dan 349,000 ekar daripadanya telahpun di alienated dengan meninggikan hanya 22,000 ekar

tanah. Dalam tahun 1975 dan 1976 Kerajaan Negeri Melaka yang dikuasai oleh Barisan Nasional telah memberi 4,000 ekar tanah iaitu sebanyak 20% dari baki tanah pertanian yang tertinggal kepada enam orang pemimpin UMNO atas nama hendak mewujudkan estet Melayu yang pertama di Melaka sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat Malaysia.

Saya telah bangkitkan perkara ini dalam Dewan ini dan bersama rakan-rakan saya juga telah bangkitkan perkara ini di dalam Dewan Undangan Negeri Melaka tetapi kita telah dituduh sebagai menentang Dasar Ekonomi Baru. Biar saya katakan di sini jika Dasar Ekonomi Baru bermakna 20% tanah yang belum alienated di Melaka harus diberi dengan harga "take away" kepada enam orang pegawai UMNO dengan membuat mereka jutawan dengan sekelip mata tanpa membawa faedah kepada rakyat orang Melayu, maka kami dalam DAP akan menentang Dasar Ekonomi Baru. Parti DAP tidak menerima sebarang sokongan atau bantuan dalam percubaan kami untuk mencegah pengkhianatan rakyat Melayu oleh segelintir orang UMNO-putra atas nama Dasar Ekonomi Baru.

Saya sungguh gembira kini terdapat percubaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka yang baru, Encik Adib Adam, untuk membetulkan keadaan tersebut dengan mencuba membeli saham-saham Syarikat Sri Linggar 51%. Bagi kita semua 4,000 ekar tanah harus diambil balik oleh Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri telah memberikan tanah tersebut kepada Syarikat Sri Linggar dengan mengkhianati objektif-objektif pembangunan yang melibatkan penyalahgunaan kuasa dan kepercayaan amanah oleh mereka yang memerintah.

Minggu lalu dua orang pengarah Syarikat Sri Linggar telah dituduh dalam mahkamah atas menjalankan perniagaan sedangkan kedua-dua mereka itu adalah pegawai Kerajaan. Soal yang saya hendak tanya ialah mengapa mereka ini tidak dituduh dalam mahkamah empat tahun dahulu? Biro Siasatan Negara atau kuasa-kuasa yang bertanggungjawab menjaga law and order didapati digunakan sebagai satu percubaan untuk tawar-menawar di dalam satu permainan kuasa samada di peringkat Pusat atau Negeri, maka kepercayaan rakyat dalam kesungguhan Kerajaan untuk menghapuskan

rasuah penyelewengan dan pengkhianatan wang pembangunan dan objektif-objektif pembangunan adalah sangat rendah. Dengan adanya lebih banyak wang diperuntukkan kepada negeri-negeri untuk tujuan pembangunan ketidaktadanya mechanism yang berkesan untuk mencegah penyelewengan dan pengkhianatan tujuan-tujuan pembangunan menjadi lebih serius.

Biro Siasatan Negara hendaklah diberikan kuasa-kuasa yang luas dan dipinda daripada tanggungjawab Menteri dan Executive dan dijadikan satu badan yang bebas yang hanya bertanggungjawab kepada Parlimen dan diberi kuasa untuk menjalankan tugas-tugas tanpa mempedulikan kedudukan (status) seseorang. Hanya dengan perubahan ini orang ramai akan berpuas hati yang wang-wang pembangunan dan projek-projek pembangunan akan sampai untuk faedah rakyat dan bukan masuk ke dalam saku beberapa orang pemimpin politik dan sekutu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Rang Undang-undang ini memperuntukkan satu kategori baru untuk geran-geran yang akan diberikan kepada negeri-negeri yang mempunyai per kapita GDP yang lebih rendah dari per kapita GDP purata negara yang mana pemberian-pemberian itu hendaklah digunakan untuk tujuan-tujuan pembangunan tertentu untuk memperuntukkan bekalan air, perumahan awam, kemajuan kawasan-kawasan perusahaan, kerja-kerja kecil dan lain-lain.

Perumahan awam merupakan satu kegagalan yang besar Kerajaan Barisan Nasional baikpun di peringkat Nasional atau Negeri. Peristiwa baru-baru ini di mana lebih kurang 300 setinggan dari Kampung Sungai Udang di Kelang mengambilalih rumah-rumah kos rendah Kerajaan menggambarkan betapa rumit dan kesengsaraan rakyat yang tidak mempunyai rumah di kawasan-kawasan bandar. Nampaknya tidak terdapat apa-apa seriousness of purpose di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pusat untuk menghadapi krisis kekurangan perumahan rakyat miskin. Pertama, terlalu sedikit rumah-rumah kos rendah dibina. Kedua, orang-orang yang benar-benar memerlukan rumah dinafikan dapat rumah dan orang yang ada rumah dapat rumah kos rendah. Ketiga, terdapat ketidakcekapan dan salah tadbir yang luas di mana rumah-rumah kos rendah yang dibina tidak diberikan atau didiami untuk beberapa tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya, bagi pihak parti, merayu Kerajaan di semua peringkat melancarkan satu rancangan raksaksa untuk membina rumah-rumah kos rendah supaya boleh memberi perumahan kepada mereka yang tidak ada rumah. Dalam menjalankan projek-projek pembangunan Kerajaan baikpun di peringkat Negeri atau Pusat mesti sympathetic, bersimpati kepada orang-orang yang miskin, orang-orang yang susah dan bukan semacam apa yang baru berlaku di Banting di mana pihak-pihak berkuasa Negeri menjahanamkan pertanian 152 keluarga di Lubuk Kundang, 11 batu daripada Banting dan tanah yang seluas 500 ekar di mana tanaman-tanaman itu terdiri dari kelapa sawit, pisang, ubi, jagung dan lain-lain.

Walaupun ini adalah penanaman secara haram, perbuatan ini bukanlah seperti perbuatan mencuri, tetapi ini melibatkan usaha titik peluh petani-petani yang telah mengerjakan tanah tersebut bertahun-tahun. Kerajaan Negeri hendaklah memberikan tanah kepada petani di situ. Peruntukan wang untuk pembangunan kepada negeri-negeri tidak akan bermakna jika sekiranya Kerajaan-kerajaan negeri terus pijak (trample) atas hak-hak dan aspirasi-aspirasi orang-orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

5.41 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri berkenaan, kerana saya yakin dengan Rang Undang-undang ini dapatlah bagi negeri-negeri yang kurang maju, khasnya seperti Perlis menapak langkah ke hadapan bahkan lebih maju daripada masa yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sama-sama maklum satu negeri, satu rumah satu badan ia boleh dikatakan sebagai satu anggota, kalaulah salah satu anggota daripada badan itu sakit ataupun cedera, maka akibatnya seluruh badan tadi menanggung walaupun kepala itu tetap sebagai kepala tetapi kerap kali kalau kaki sakit, tangan sakit walaupun benda yang kecil dalam badan sekalipun sakit turut seluruh badan sakit termasuk kepala sekali turut akan sakit sama. Inilah saya menganggap negara juga sebagai

satu badan. Walaupun negara kita Malaysia, Kuala Lumpur sebagai pusat negara, tetapi kalaulah negeri-negeri yang di dalamnya miskin, maka ini adalah tanggungjawab kita bersama. Dengan sebab itulah Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil yang dikemukakan ini bagi saya sendiri yang datang dari Perlis berasa sungguh-sungguh bangga dan sungguh bahagia kerana di atas pandangan Kerajaan Pusat terhadap negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, setelah seia sekata dan berpakat negeri-negeri yang ada dalam Malaysia hari ini, ada di antaranya negeri-negeri yang maju dan ada yang dikatakan negeri-negeri kurang maju. Kalau mengikut pendapat saya dan selalu dikatakan orang kehendak manusia kadang-kadang tak habis-habis. Kalau di sekolah ada murid yang dalam Darjah Satu, Dua, Tiga walaupun pelajaran itu takkan habis tetapi ada tingkat kepandaian manusia. Begitulah kemajuan negeri-negeri. Ini telah nyata kepada kita bersama bahkan Pembangkang mengakui dan pihak Barisan Nasional sendiri mengakui negeri-negeri yang kurang maju dalam Malaysia ini termasuklah Perlis, Kedah, Trengganu—Trangganu boleh jadi akan maju kerana ada minyak—Kelantan dan boleh jadi Melaka. Dengan sebab itu saya berpendapat kalaulah tak salah pada segi undang-undang dan kalau boleh dibuat satu rang undang-undang diadakan khas bukan termasuk bab agama Islam kerana agama Islam adalah hak Kerajaan Negeri, bab tanah kuasa Kerajaan Negeri tetapi kita tumpukan kepada segi pembangunan. Adakan sebuah Kementerian khas ataupun kalau tak Kementerian khas, Timbalan Menteri yang bertanggungjawab di dalamnya yang menjaga dari segi pembangunan lima negeri yang saya sebut tadi iaitu Kedah, Perlis, Trengganu, Kelantan dan boleh jadi Melaka. Macam mana diadakan Wilayah Persekutuan, ada sebuah Kementerian untuk menjaga dalam segi kemajuan pembangunan kepada negeri-negeri yang berkenaan kerana negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, amatlah mundur khasnya negeri saya sendiri iaitu negeri Perlis sangatlah mundur. Apakan tidak! Biarlah saya katakan dengan terus terang, Perlis satu negeri yang kecil.

Pernah dikatakan oleh kawan saya Ahli dari Batang Padang, Perlis sama besar dengan kawasan dia Batang Padang. Saya tak nafikan. Bekas Menteri Pertanian, Allah

yarham Datuk Ali mengatakan kawasan saya sama luas dengan negeri Perlis. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dr Mahathir kata cantumkanlah Perlis dengan Kedah. Tetapi ini sudah termaktub, Perlis tetapi Perlis walaupun kecil dia adalah negeri memakai seorang Raja yang berdaulat, dia tak boleh digugat dan digugat dan hari ini kita akui rakyat Malaysia akui, sebab itulah Raja Perlis juga biasa menjadi Agong. Bersyukur kepada Tuhan, orang Perlis berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia dan Perlis juga macam negeri lain ada Menteri Besar, ada Speaker ada Mufti, ada Penasihat Undang-undang dan ada segala-galanya. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, hasilnya kecil. Benda yang ada di negeri lain, ada di Perlis. Walau macam mana pun Perlis tahu keadaannya. Kalau tak silap saya motokar yang dipakai oleh Menteri Besar Perlis sudah lebih lima tahun. Saya berani kata motokar Menteri Besar Perlis motokar orang kebanyakan lebih baik lagi, tetapi kami tahu kadarnya dan apa hendak buat negeri kami miskin dan kecil. Begitu juga Speaker. Saya dapati kebanyakan motokar Speaker Negeri-negeri lain ditulis "Tuan Yang di-Pertua Negeri" itu dan ini, saya tak mahu sebut nama tetapi kami di Perlis, motokar Speaker motokar sendiri. Ini pun bukannya yang baik sangat, salah berek dia pergi tepi batas kerana benda sudah lama. Ini saya bercakap ikhlas kerana kami tak ada duit, kami ukur baju dengan badan. Bersyukurlah dengan pertambahan ini Perlis juga saya berharap sangat akan dapat kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Islam melarang dengki, Islam melarangkan dengki dan takbur, tetapi Islam juga melarang membazir, membazir tak boleh. Di suruh kita makan tetapi jangan kita membazir. Di suruh kita cari wang tetapi jangan membazir. Saya tak larang negeri yang maju diberi, tetapi saya kata utamakan kepada negeri yang kurang maju. Perliakah atau Kelantan bahagi jangan kira kepala dan beri sebanyak-sebanyaknya barulah kedudukan kita seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, satu badan yang sihat saya katakan tadi kakinya bagus tangannya bagus baru jalan tak kenggang, tetapi kalau kakinya capik sebelah—minta dijauhkan Tuhan, dia akan kenggang. Begitu juga motokar kalau pancit satu tayar dia tak boleh berjalan, begitulah benda apa pun. Jadi dengan sebab itu saya berpendapat negeri yang sudah maju saya tak kata jangan beri maju. Jangan kata:

Shaari wakil Perlis sudah dengki kepada orang lain, tetapi jangan membazir dan beri pada tempat yang kurang maju. Jangan kira kepala, beri sebanyak-banyaknya kerana kita berkehendakkan wang tetapi kalau negeri yang tak berkehendakkan kepada wang kita beri maka sudah menjadi membazir. Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya bawa satu contoh antara orang kaya dengan orang miskin. Ini diceritakan, saya bawa cerita Tok Mufti Perlis, bukan Shaari cerita, Shaari dengar cerita mengenai orang manusia ingin kaya. Ada setengah manusia kaya tak tahu menggunakan duit, dia tak boleh menggunakan duit.

Jadi, ada satu orang bekerja sebagai buruh kasar. Dia bekerja di hadapan rumah orang kaya. Peluhnya menitik, badannya sihat, makan cukup, alhamdulillah. Di tempat rumah dia bekerja itu di hadapannya ada satu rumah, bangunan yang cukup cantik. Maka telah menjadi kelaziman kepada manusia yang tak sihat ingin sihat, yang miskin ingin kaya. Itulah kelaziman cita-cita manusia. Begitulah juga si miskin yang badan sihat tadi. Kalaulah aku dapat memiliki rumah macam itu dan dapat kaya macam si orang kaya, itulah kebahagiaan hidup pada aku, kata si miskin berbadan sihat tadi.

Si kaya tadi ada kawannya terdengar apa yang diceritakan oleh si miskin tadi, lantas dia memanggil si miskin ke rumahnya dengan hidangan yang istimewa. Dia tengok hamba Allah miskin ini makan, dia sendiri berselera tetapi apakan daya dia tidak lalu hendak makan, maka kata si miskin yang makan tadi: Saya berterima kasih kepada tuan dan bersyukur kepada Tuhan dan kalaulah saya boleh jadi seperti tuan bahagi-alah saya hidup di dunia. Kata si miskin yang berbadan sihat tadi. Kata si kaya: Awak hendak jadi kaya macam aku? Kalau awak mahu kaya—ambil, mari kita tukar berdua, ambil kepada kau kekayaan, rumah aku dan tabiat aku semua, beri kepada aku miskin engkau dan sihat engkau. Engkau ambil kekayaan aku, tidak lalu makan, tidur tidak lena, sakit tidak berhenti, tetapi aku kaya. Kata hamba Allah miskin: Aku tidak hendak, buat apa kaya kalau sudah sakit tidak berhenti, lena tidak boleh, makan tidak lalu dan sebagainya, tidak payah saya cerita lagi tidak elok. Kata si miskin aku tidak mahu biarlah aku sihat walaupun aku miskin. Jadi maksud saya, kalau kita beri

benda kepada orang tidak boleh digunakan tidak mendapat faedah, kita mahu apa yang digunakan jangan salahguna, itulah yang saya harap sangat.

Bagi satu-satu negeri, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tiga perkara dan saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam ucapannya di kala mengemukakan Rang Undang-undang, saya masih ingat lagi, selain daripada peruntukan pembangunan, kalau tidak silap saya di segi pengurusan juga kita kena ambil berat dan kita juga akan memberi bantuan. Saya berpendapat selain daripada bantuan kewangan kita akan curahkan kepada negeri bantuan pengurusan amat mustahak sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Menteri, kerana kalau bantuan kewangan sahaja kita beri, di segi pengurusan kita tidak beri, rancangan itu tidak akan berjalan. Ketiga-tiga perkara ini hendaklah dirancang sekali projek ataupun rancangan, kewangan dan pengurusan. Kalau ada wang dengan pengurusan, tidak ada projek apa hendak buat dengan wang? Kalau ada projek tidak ada wang lagi tidak berguna. Ada projek sahaja, ada wang tetapi tidak ada pengurusan terjadilah macam hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali Kerajaan memberi bantuan wang kepada Negeri, kadang-kadang wang itu bila sampai pada bulan Disember dan kalau tidak silap saya akhir-akhir ini kita buat sampai bulan Januari, wang itu terpaksa dihantar balik ke Kuala Lumpur kerana mengikut peraturan satu-satu projek yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Negeri untuk menalankan satu-satu projek kecil atau besar misalnya membina masjid, jalanraya, sekolah, takdirilah sekolah itu tidak dapat dilaksanakan pada tahun yang berkenaan maka wang itu terpaksa dihantar balik ke Kuala Lumpur. Apabila diminta katanya bulan Februari atau Mac barulah wang itu dapat balik kepada Kerajaan Negeri, barulah rancangan itu dapat dijalankan. Ini kerana kekurangan pengurusan, kekurangan kakitangan. Jadi pendek kata kalau wang sahaja di hantar mencurah-curah, di segi kakitangannya tidak diberi bantuan, projek itu tidak akan dapat berjalan. Apatah lagi di Perlis, kakitangan tidak cukup. Kalau hendak ambil pegawai sendiri, kami di Perlis tidak ada Lembaga atau Suruhanjaya, hendak ditubuhkan pun negeri Perlis kecil sangat. Walaupun biasa

didesak oleh beberapa buah badan khasnya parti Barisan Nasional sendiri tetapi pada pendapat Kerajaan Perlis negeri ini terlampau kecil. Diharapkan kepada Suruhanjaya a'au Badan di Kuala Lumpur yang akan mengambil pegawai dan sebagainya. Saya berpendapat selain daripada wang yang kita beri begitu banyak, berilah juga pengurusan yang cukup.

Mengenai projek insya Allah, projek di Perlis ada, rancangan di Perlis ada yang dibuat terbengkalai kerana wangnya tidak ada, kerana kita tahu pada hari ini hasil yang banyak kita dapati ialah daripada cukai. Walau bagaimanapun Perlis tetap taat setia kepada negara dan akan menjadi sebuah negeri di dalam negara Malaysia sampai bila-bila kerana Perlis ini kecil. Walau pun begitu kita tidak nafi sebagaimana kata wakil Semerah tadi kalau hendak kenakan cukai, tetapi Perlis tidak berazam kerana Perlis memerintah cara Perlis hendak tubuhkan satu Kerajaan di Perlis. Cukai yang didapati melalui Perlis banyak misalnya di Padang Besar. Kalau tidak silap saya tiap-tiap bulan beratus ribu juga, apatah lagi setelah dibuat pagar sempadan, walaupun ada juga yang dibawa oleh setengah orang penyeludupan secara haram, tetapi kalau hendak banding dengan masa yang lepas sebelum ada pagar hasilnya sangat banyak dengan kemasukan yang kita impot daripada Thai dan sebagainya. Hasil itu adalah hak Kerajaan Pusat, Perlis tidak payah hendak kutip, begitulah keadaan yang ada di Perlis.

Saya tertarik apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, usahalah sendiri. Di samping Kerajaan Pusat hendak beri diminta tiap-tiap Kerajaan Negeri usaha sendiri. Tetapi apa boleh buat Perlis negeri kecil 316 batu persegi sahaja. Hasil yang banyak dalam tiap-tiap negeri kalau tidak silap saya ialah getah, balak dan boleh jadi bijih, tetapi bijih hak Kerajaan Pusat. Kalau hendak hasil tanah yang seluas 316 batu persegi tidak ada tempat di Perlis, pendek kata di Perlis hari ini tidak ada tanah yang kosong melainkan semua diduduki oleh manusia waima cara geran, TOL ataupun lesen tekukur, minta maaf saya sebut lesen "tekukur" maknanya geran tidak ada, TOL tidak ada; pakai duduk sahaja. Kalau dia tengok tidak ada siapa yang duduk, hendak minta jawapan daripada Kerajaan dia tidak nanti, dia fikir tanah Kerajaan tanah

babanya, memanglah rakyat anak Kerajaan, dia menumpang duduk dan tidak memikirkan orang lain, itulah keadaan yang ada di Perlis. Hendak cari tanah luas macam negeri lain di Perlis tidak ada langsung, hanya ada 20,000 ekar tetapi pada hari ini sudah diberi tanaman tebu. Syukurlah cukai tebu pun Kerajaan Pusat dapat, kalau hendak diminta oleh pihak yang berkenaan dikatakan tidak boleh. Mengikut undang-undang Kerajaan Pusat minta cukai itu.

Saya mendapat tahu cukai yang didapati setiap tahun kalau tidak silap saya mencapai angka juta ringgit juga, mungkin 11 juta mengikut sebagaimana yang saya dapat tahu. Negeri Perlis sungguhpun kecil banyak juga cukai yang didapati daripada negeri Perlis dengan tanah yang diberi oleh negeri Perlis seluas 20,000 ekar. Tetapi walau macamana-pun hasilnya dapat juga kepada rakyat Perlis dengan Kerajaan menanam tebu, mendirikan kilang gula dan sebagainya. Jadi saya berharap sangat di atas peruntukan ini utamakanlah negeri Perlis, bukanlah saya hendak megah negeri saya, bukan hendak merayu tetapi benda ini betul. Kami simpati, kami tahu keadaan ini dan kami ulang sekali lagi. Kami tidak mahu hendak beli motokar besar-besar; pegawai Kerajaan, Menteri Besar, Speaker—semuanya cukup. Sebagai hamba seperti kata orang merendah dari mengukur baju di badan. Menteri Besar kami tidur di Kuala Lumpur, dia tahu keadaan dirinya baiklah dia tidak tidur di Indera Hotel. Macam wakil Kangar, dia tidak tidur di Merlin, tidak tidur di Hilton dan ini saya tidak mahu ceritakan tetapi baiklah saya tidur di Jalan Raja Laut, ini kerana kami tahu keadaannya kami. Kami haraplah kepada Kerajaan Pusat bantulah sungguh-sungguh kami minta Kerajaan Perlis akan buat sedaya upaya tetapi apakah daya kerana wang tidak ada, negerinya kecil, hendak kutip cukai hanya 316 batu persegi sebab tanah tidak banyak dan satu lagi saya berpendapat seperti kawan-kawan saya ada 2-3 perkara.

Dari segi parti Pembangkang saya merasa dukacita ada yang menyokong dan ada yang mengata. Tetapi walau macam manapun kita hari ini sebagai manusia kita buatlah setakat yang kita boleh. Kalaulah hendak ikut sikap Parti Pembangkang sama ada DAP ataupun PAS mereka ini mencari jalan

salah, kadang-kadang dikatakan pembangunan tidak berguna, kadang-kadang dikatakan pembangunan ini berguna. Walau bagaimanapun itu adalah sikap manusia sama ada DAP, Barisan Nasional, manusia ini kalau diberi dia hendak makan, lambat diberi misalnya subsidi baja kadang-kadang orang PAS lebih lagi dia ambil dahulu daripada orang UMNO. Ini adat, tetapi perkara yang tidak baik kadang-kadang dikecam.

Saya tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh wakil dari Petaling kerana apa yang dikatakan tidak betul. Dia kata apabila kita buat pembangunan katanya tidak diberi kepada orang parti Pembangkang, kita tidak buat rancangan, misalnya elektrik, rancangan jalan. Biasakan kita buat jalan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur, dalam Kuala Lumpur ada juga kawasan-kawasan yang dimenangi oleh parti Pembangkang, adakah sampai Sungai Besi misalnya distopkan di Sungai Besi, Kerajaan tidak payah buat jalan apa sebab? Sebab kawasan parti Pembangkang. Bercakap tidak ada alasan pun saya fikir tidak betul, ini percakapan yang tidak logik, kita tidak pernah buat. Begitu juga elektrik, bila masuk di sesebuah kampung seperti di Kedah, Perlis yang ada orang PAS memerintah kita tidak kata: jangan pasang elektrik ini di kawasan orang PAS. Cuma LLN kata: kami tidak akan diberi api kalau tidak bayar wayar hitam—wallahuallah saya pun tidak tahu. Dia tidak peduli PAS, UMNO itu adalah syaratnya. Saya kata kenyataan, Tuan Yang di-Pertua, perkara PAS atau DAP ini kita tinggalkanlah sebelah, maklumlah orang ini bila dia tidak setuju dia cari apa yang salah. Tetapi bila dapat peluang dia ambil dahulu ini adalah tabiat manusia. Walau macam manapun saya berpendapat di segi pembangunan ini amat mustahak seperti jalanraya, taliair, perumahan, api kerana perkara ini amat mustahak bukan rugi—tidak rugi. Sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kelmarin pada 9-10-1979 yang bertolak keluar negeri mencari pelabur asing dan sebagainya, kalau kita melabur di kampung tidak rugi—kesemua itu bukan menjadi kerugian. Pada garisan kasarnya benda itu kita kena keluar dahulu baru sampai.

Sebagaimana dikatakan oleh rakan saya dari Semerah tadi, dia membuat satu kata bidalan—sedap saya dengar. Lebih tepatnya

beginilah umpan yang besar akan dapat ikan yang besar, kalau umpan segan hendak pergi ikan mana hendak tangkap kerana umpan tidak ada, fasal pergi kosong. Saya bersejua dengan pendapat wakil Semerah tadi.

Jadi dalam kampung dengan kita buat kebajikan, akan mendapat untung. Tiap-tiap yang kita buat, Kerajaan mendapat untung, pahala, tetapi di segi kita di dunia bukan sahaja orang ramai mendapat untung, Kerajaan juga yang mendapat untung. Saya selalu mengatakan dalam Dewan yang mulia ini berkenaan cukai jalan. Hari ini setahu saya salah satu cukai yang Kerajaan dapat banyak wang ialah cukai kenderaan, sebab pada satu ketika saya menghadiri taklimat di Kementerian Pengangkutan. Bila ditanya, katanya hasil yang didapati oleh Kementerian Pengangkutan daripada hasil motokar dan motosikal dan sebagainya, 3% sahaja yang digunakan dalam RIMV; yang lain itu untuk negara. Pendek kata kalau dapat \$100—\$3 sahaja digunakan dan yang \$97 dibelanjakan untuk negara dan sebagainya termasuk perkara-perkara lain. Itulah banyaknya cukai daripada kenderaan.

Kenderaan ini orang tidak beli kalau tidak ada jalan. Orang suka beli banyak kenderaan sebab jalan ada. Begitu juga kenderaan kecil ataupun besar. Saya contohkan di kampung saya di mana ada sebatang jalan pergi ke ladang tebu walaupun kadang-kadang disamun bila mereka hendak pergi bekerja, sudah beli motosikal beribu-ribu. Begitu juga tempat-tempat yang banyak jalanraya, orang beli motokar sehingga kita hendak lalu di pekan Kuala Lumpur ini pun tidak boleh. Tetapi walau bagaimanapun apa yang dibeli oleh rakyat itu hasilnya, cukainya dapat kepada Kerajaan.

Dengan sebab itu, saya berpendapat jalan-jalan ini patutlah dibaiki. Dengan kita baiki jalan, banyak untungnya. Kerajaan untung, dengan adanya jalanraya, rakyat tertarik hendak beli motosikal kalau ada jalan raya dan sebagainya. Kalau rakyat beli motokar banyak, pakai motokar banyak, hasilnya kita dapat, dapat cukai hasil motokar dan kita dapat cukai hasil minyak. Ini membawa keuntungan. Tetapi buat sekali gus, kita terpaksa mengeluarkan modal. Macam orang hendak berniaga besar. Dia akan dapat untung berjuta-juta ringgit, tetapi dia kenalah keluar modal dahulu. Mana ada untung sebelum keluar modal. Begitu juga hasil kepada negeri, rakyat. Selain daripada kita fikirkan untung kepada rakyat, Kerajaan kita

jangka panjangnya mendapat untung. Kalau begitu, mengapa kita lambat-lambatkan buat rancangan ini. Janganlah soal peruntukan wang dikira sangat dengan kadar tiap-tiap satu kepala sekian-sekian banyak, berilah wang yang banyak, cari pinjaman di mana pun asalkan boleh buat kepada rakyat di negeri-negeri termasuklah Perlis buatlah jalan.

Pada hari ini apa yang telah terjadi. Kebanyakan jalan kampung, saya naik pitam—minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan perkataan "pitam" ertinya susah hati, kerana kebanyakan jalannya tanah merah. Jalan tanah merah akan menjadi dua masalah kepada rakyat. Kita ada dua musim, bolehlah kata tiga. Satu musim yang kerap kali musim hujan, musim panas dan musim tidak hujan dan tidak panas—musim sejuk, tetapi kerap kali musim panas dengan musim hujan.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali Timbalan Menteri Kewangan ini jarang masuk ke jalan itu tetapi kadang-kadang pergi juga kerana melawat. Jalan tanah merah akan menjadi dua masalah kepada rakyat kalau hendak lalu. Bila masa hujan, ia lecah atau lecak, lekat di motokar. Kadang-kadang motokar itu pergi ke parit. Apa yang saya kata ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya selalu turun ke parit, sebab jalannya lecak tanah merah. Kalau musim panas terek, ia jadi abu macam awan. Kalau kita memandu lebih sedikit daripada 30 b.s.j. ia berkepul masuk dalam motokar kita. Bila orang lalu di luar, terlanggar. Dengan sebab itu terpaksa lah tuan-tuan rumah yang ada di tepi jalan ia bubuh batu dan sebagainya. Kadang-kadang orang yang jarang pergi, terlanggar dengan batu tong dan sebagainya. Ini berlaku.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap berikanlah wang ini secepatnya terutama seperti yang dikatakan dalam Rang Undang-undang ini dalam tahun 1980. Apabila sampai tahun 1980 hendaklah diberi dan diberi dengan pengurusan sekali. Yang mana jalan-jalan hari ini baik di Perlis atau di mana negeri pun yang ada tanah merah dan sebagainya, tolong tarkan sebagaimana yang dikatakan oleh kawan-kawan saya pada dua hari yang lepas. Begitu juga jalan-jalan kecil itupun tolong bubuh batu hitam supaya dapat dilalui dengan tidak kena tanah merah di musim hujan dan musim panas tidak kena debu. Ini juga dari segi ekonomi.

Saya masih ingat di satu kampung, saya terpegun mendengar seorang ketua kawasan yang mengatakan secara ekonomik. Dia berysarah kepada orang kampung mengatakan secara ekonomik, bukan nanti Kerajaan beri wang, Kerajaan mengadakan kemudahan asas, jalan dan sebagainya. Secara tidak langsung Kerajaan beri nilai ekonomi. Mengapa tidak. Misalnya kita hantar anak ke sekolah ke kawasan jalan tanah merah. Sebelum anak itu sampai ke jalan yang bertar, jalan yang elok, terpaksa anak itu membawa dua pasang kasut. Sepasang kasut untuk dipakai di jalan tanah merah dan yang kedua bila sampai di jalan yang tidak lecah, kena salin kasut lain. Kalau tidak, budak itu apabila sampai di sekolah cikgunya akan bertanya "Mengapa kaki awak terlampaui kotor?" Ini dari segi ekonomi sudah rugi. Cuba kalau budak yang tidak payah pakai dua pasang kasut, dia boleh pakai kasut ataupun baju yang 5 hari tetapi bagi budak yang melalui debu, selut dan sebagainya harus satu hari dia sudah kena selut. Itu secara tidak langsung ia memberi keuntungan ekonomi. Bukan nanti beri wang, kata ketua kawasan itu—betul.

Begitu juga disegi lain. Dengan adanya jalan sebagaimana kata salah seorang kawan-kawan saya. Padi yang kita hendak jual mahal, terpaksa dijual murah, kerana lori tidak masuk kampung. Benda yang kita hendak beli murah, kena beli mahal, hendak kena upah orang usung. Jadi untuk rakyat rugi, untuk Kerajaan pun rugi. Dengan sebab itu, saya menyeru kepada Timbalan Menteri khasnya Kementerian Kewangan tolonglah beri bila permohonan ini lulus dan pengurusannya sekali. Kalau setakat beri wang, pengurusannya tidak ada, kalau mengikut peraturan kita salah. Beri dengan pengurusannya sekali iaitu pegawainya sekali. Dan juga saya berdoa dan berharap dengan kelulusan Rang Undang-undang ini moga-moga Perlis tidak akan berlaku macam yang telah berlaku. Perlis juga sebagai sebuah negeri bila negeri lain mendapat kenaikan gaji, Perlis juga mendapat kenaikan gaji, bonos dan sebagainya. Biasanya kadang-kadang hal ini patut sama gaji tetapi tidak ada wang. Ambil wang lain, ubah, pindah asalkan orang tidak kacau. Siapa juga jadi Menteri Besar Perlis, kena tunduk kepada Kuala Lumpur. Kalau tidak, tidak boleh memerintah. Malang negeri saya sendiri. Begitu juga kalau kenaikan gaji khasnya gaji guru-guru ugama baru-baru ini. Negeri lain telah bayar bonos, Perlis belum lagi tetapi

lama kelamaan dapat juga dibayar tetapi memakan masa, kerana wangnya tidak ada. Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat, dengan kelulusan ini membawakan Perlis yang selalu mengalami kekurangan itu tidak akan terjadi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya bercakap mengenai kemudahan asas tadi dari segi elektrik dan sebagainya, saya haraplah walaupun Perlis itu negeri kecil tetapi banyak masalah. Sebab saya tidak mahu mengatakan Kerajaan Pusat tidak baik kerana kalau tidak Kerajaan Pusat, Perlis tidak ada apa benda, yang dapat itu pun wang dari Kerajaan Pusat. Saya tidak menafikan. Tetapi masalah di Perlis walaupun kecil tetapi banyak, seperti elektrik misalnya. Banyak kampung di Perlis telah dapat elektrik tetapi ada kampung yang tidak dapat. Sudah menjadi tabiat manusia, macam kita di bulan puasa, hampir-hampir pukul 6.00 dia sudah tidak boleh duduk. Kalau pukul 3.00; pukul 4.00 dia tidak hairan tetapi kalau sudah hampir masanya dia rasa macam hendak makan. Ini tabiat manusia. Perkara yang lain tidak payahlah saya sebut dalam Dewan ini. Ini tabiat manusia.

Jadi di tempat yang tidak ada elektrik mereka bertanya "Yang Berhormat, bla hendak masukkan elektrik, di tempat lain ada, mengapa di tempat kami tidak ada." Yang paling kelabu sekali ialah fasal bilang tidak betul. Ini saya pun tidak tahu di mana silapnya, bukan sebab parti. Apa yang terjadi saya tidak tahu. Bilang 1, 2, 3—6, 7, 8, 9, 10. Maksud saya melangkau. Ini terjadi kepada elektrik. Ini lagi tidak betul. Kampung itu ada api, kampung ini ada api, kampung timur ada, kampung utara ada, kampung selatan ada, kampung barat ada, tiba-tiba tentang tengah tidak ada api. Mengapa jadi begini. Kadang-kadang saya pun naik pitam. Kalau hendak minta Kerajaan Perlis tidak ada wang, ia hanya mengharapkan Kerajaan Pusat. Jadi saya haraplah peruntukan ini bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis walaupun saya bukan Wakil Rakyat Negeri tetapi bersyukurlah, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kedudukan Perlis itu boleh jadi kecil sedikit, disegi wang ringgit tidak ada tetapi disegi kerjasama baik pun Parlimen dan Dewan Negerinya boleh dikatakan amat memuaskan. Bila dapat wang, kami bolehlah perbetulkan perkara ini. Dan seperti saya katakan tadi, apa yang dibuat oleh Kerajaan tidaklah rugi. Bila letrik

banyak, Kerajaan dapat beli TV dan sebagainya. Dengan cara ini Kerajaan dapat hasil \$24 setahun. Dalam jangka panjang, ianya cukup untung, rakyat untung, Kerajaan pun untung kerana dapat cukai. Rakyat ini bila ada wang, bila ada letrik, ia akan beli TV. Ini sudah tabiat manusia dan banyak perkara-perkara lain lagi yang memberi kemudahan kepada mereka.

Yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan tiada letrik ini, minyak tanah pun tiada. Ada kampung-kampung yang kelam, bila letrik tidak masuk, minyak tanah pun tiada. Apa hendak pakai? Damar? Tidak patut. Hendak bubuh minyak gas, minyak gas (minyak tanah) tiada juga. Apa hendak buat? Ini yang menjadi kesukaran. Jadi saya berharap kepada Timbalan Menteri yang berkenaan atas desakan-desakan dan rayuan-rayuan saya ini akan dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya, moga-moga dengan kelulusan undang-undang yang ada pada hari ini, saya berdoa dan berharap kita akan dapat setimbal sama rata, baharulah dikatakan sebagai satu negara, semua negeri dapat maju termasuklah negeri Perlis.

Bukanlah kita kata Perlis ini terlampau hendak merayu tetapi apa boleh buat Perlis terpaksa merayu, oleh sebab serba serbinya kekurangan. Saya seru sekali lagi, segala jalan-jalan yang becak, jalan-jalan yang tidak elok, tolonglah perelokkan seperti jalan-jalan di Pulau Pinang dan sebagainya. Saya sebutkan Pulau Pinang kerana saya teringat di masa-masa yang lampau masa saya kecil-kecil berumur belasan tahun dahulu bila pergi ke Pulau Pinang, masa itu pemerintahan Inggeris boleh dikatakan semuanya jalan bertar. Begitu juga hari ini boleh dikatakan semua jalan ada tar, tetapi di Perlis masih banyak lagi jalan yang perlu dibubuh tar tetapi tidak boleh diselesaikan, kerana tiada wang. Bila tiada wang, jalannya tidak siap, akibatnya orang-orang naik kereta atau naik basikal dan sebagainya tiap-tiap tiga hari sekali jahanam. Apa yang saya kata ini terjadi pada diri saya sendiri, tayar tidak di bubuh tube, jadi bubuh di mana pun ia bengkok, tayar itu bengkok. Ini disebabkan yang jalan itu tidak sempurna, jalan yang begitu besar, tidak dibubuh tar.

Tuan Yang di-Pertua: Tavar yang bengkok atau rim yang bengkok? Yang mana bengkok? (*Ketawa*)

Tuan Shaari bin Jusoh: Minta maaf. Rimnya, Tuan Yang di-Pertua, tayarnya tidak bengkok. Rimnya yang bengkok.

Itulah sahaja harapan saya dan saya harap kepada Kementerian yang berkenaan, bila lulus sahaja peruntukan ini sekali lagi saya ingatkan bahawa Perlis ada mempunyai rancangan dan ada perkara-perkara yang hendak dibuat tetapi yang kurang bagi negeri Perlis ialah wang dan pengurusan. Sekiranya wang dan pengurusan ini dihantar sama, Insya Allah Perlis akan dapat melaksanakan segala projek-projek pembangunan yang mana projek-projek itu akan menguntungkan rakyat Perlis dan juga akan menguntungkan negara keseluruhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

6.13 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta bagi meminda Akta Pemberian Tambahan, 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan. Sesungguhnya Akta ini sangat penting kerana menimbangkan bentuk pentadbiran negara kita yang berbentuk Persekutuan. Tiap-tiap negeri yang bergabung dalam Persekutuan adalah secara langsung terlibat dan bertanggungjawab mengenai pembangunan ekonomi dan sosial rakyat di dalam negeri masing-masing. Dalam Akta ini negeri-negeri akan menerima tambahan hasil dan dengan itu akan dapat membangunkan dengan lebih pesat lagi.

Bagi Negeri Selangor, saya suka menerangkan dalam Dewan yang mulia tetapi bukanlah ertinya saya ptingkan Negeri Selangor kerana kalau Selangor sahaja apa yang disebutkan oleh setengah Ahli Yang Berhormat itu maju dan kaya tetapi banyak lagi negeri yang belum menerima kemajuan dan perubahan yang pesat maka kemajuan Negeri Selangor itu sendiri tidak memberi erti apa-apa. Namun begitu, saya suka menyatakan hal Negeri Selangor dalam Dewan yang mulia ini iaitu Negeri Selangor bolehlah dikatakan termasuk salah sebuah negeri yang maju dalam Malaysia dan saya berpendapat Selangor patut maju dan dimajukan lagi.

Ini ialah oleh kerana kebetulan kedudukannya yang mengelilingi kawasan Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur. Oleh itu di Selangor inilah tempat singgah pelawat-pelawat, orang-orang kenamaan dan pelancung-pelancung dari luar negeri sekurang-kurangnya dengan adanya mereka melihat kemajuan yang ada di Wilayah Persekutuan dan Selangor maka dapat menggambarkan kemajuan Malaysia pada amnya.

Sebenarnya bukan semua tempat dalam Selangor ini maju. Ada tempat yang patut dibangunkan dan perlu mendapat perhatian lagi. Yang sebenarnya yang maju dalam Negeri Selangor ialah kawasan Lembah Kelang seperti kawasan Petaling, Kelang dan yang berhampiran. Ada kawasan yang masih banyak kekurangan seperti Sabak Bernam dan lain-lain tempat juga dan dengan adanya Akta ini tentulah akan dapat lebih segera lagi pembangunan dilaksanakan di tempat-tempat atau di kawasan-kawasan yang belum maju itu.

Satu perkara yang mendesak bagi Negeri Selangor ialah mengenai pembinaan bandar baharu Ibu Negeri Selangor, Shah Alam. Nampaknya pembangunan bandar ini adalah agak lambat dapat dibangunkan. Satu daripadanya ialah kerana kekurangan wang. Mengikut apa yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Kerajaan Selangor sedang merancang pembangunan Shah Alam ini dalam tempoh lebih kurang sepuluh tahun, dan dengan memakan belanja yang begitu banyak dan besar. Apa yang diharapkan dari Kerajaan Pusat ialah supaya dapat kiranya memberi pampasan yang agak segera mengenai pengambilan Wilayah Persekutuan oleh Kerajaan Pusat.

Sebenarnya dalam masalah ini ada banyak perkara-perkara yang berkait dan sukar untuk diselesaikan tetapi pada pendapat saya jika dapat Kerajaan Pusat memberi sumbangan atau pampasan yang tetap tiap-tiap tahun umpamanya katalah \$100 juta, ini ialah untuk membangun sebagai ganti Ibu Negeri Selangor, Shah Alam dan dengan adanya bayaran pampasan oleh Kerajaan Pusat yang segera dan tetap itu maka grants yang diutukkan oleh Akta ini dan lain-lain hasilnya Selangor sendiri bolehlah digunakan dengan sepenuhnya untuk pembangunan luar bandar dalam Negeri Selangor yang belum menerima banyak kemajuan seperti yang saya terangkan tadi. Jika tidak maka ada

kemungkinan wang negeri Selangor akan banyak digunakan untuk pembangunan Shah Alam ibu Negeri Selangor itu sendiri dan pembangunan di luar bandar akan tetap lambat dapat dirasakan oleh rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti negeri lain juga, Selangor banyak kekurangan pegawai oleh sebab itu banyak projek yang tidak dapat disiapkan walaupun telah diluluskan dan wangnya ada. Maka dengan adanya Akta Pertambahan Hasil ini saya percaya masalah ini akan dapat diatasi mengikut kemampuan yang ada. Dan selain daripada itu juga kesulitan-kesulitan yang dialami untuk pembangunan luar bandar ialah kerana kurangnya perkakas-perkakas pembangunan yang perlu terutamanya bagi Jabatan Kerajaan. Dengan kerana kekurangan alat JKR, maka kerja-kerja kecil yang sangat diperlukan oleh rakyat luar bandar tidak dapat dibuat pada waktunya yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat luar bandar yang penting ialah kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, jambatan kecil, parit-parit dan lebih daripada itu ialah air paip dan akhirnya api elektrik. Sebenarnya dalam negeri Selangor sendiri di luar daripada Lembah Kelang kawasan Sabak Bernam adalah boleh dikatakan lebih kurang seperti Ahli-ahli Yang Berhormat ceritakan; belum cukup api, tidak dapat bekalan air yang sempurna sama juga seperti seorang Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan tempayan-tempayan dan tin-tin merata jalan yang dibekalkan oleh pihak JKR ini ialah kerana loji air yang sempurna tidak ada di dalam kawasan Sabak Bernam dan begitu juga di setengah-setengah tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pemberian kepada negeri bukan sahaja sekadar mengikut Akta yang akan diluluskan bahkan akan dapat juga diberi bantuan dengan cara-cara lain supaya bantuan-bantuan pusat dapat disampaikan kepada negeri-negeri dengan segera di mana-mana yang dipandang perlu.

Akhirnya sekianlah sahaja saya menyokong Akta yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Menglembu.

6.30 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemoerian Pertambahan Hasil 1977.

Tuan Speaker, perkara yang menarik sekali dalam usaha Kerajaan untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini ialah Kerajaan dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini khususnya dengan membuat pindaan kepada seksyen 4 dan untuk mengemukakan satu seksyen baru 4A maka pihak Kerajaan sudahpun menyedari dan menerima hakikat bahawa Kerajaan telah gagal untuk mencapai matlamat-matlamat yang ia sendiri menetapkan dalam soal perumahan awam, bekalan air, kemajuan tanah perusahaan, kerja-kerja kecil dan lain-lain hal.

Tuan Speaker, ini adalah satu hakikat bahawa sekiranya apa yang dilaung-laungkan oleh pihak Kerajaan melalui Menteri dan Timbalan Menteri mengatakan matlamat yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan sendiri sudah dicapai maka saya tidak tahu kenapa satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pemberian Pertambahan Hasil dikemukakan di dalam Dewan ini. Dengan mengemuka Rang Undang-undang ini maka sudahlah bererti bahawa Kerajaan hari ini sedar dan menerima hakikat bahawa dia telah gagal.

Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, dalam membahaskan Rang Undang-undang ini ada beberapa segi yang saya ingin sentuh iaitu pada keseluruhannya satu-satu projek, satu-satu pemberian yang diberi oleh Kerajaan baik negeri atau Persekutuan adalah tertakluk kepada dua perkara pada pendapat saya. Satu, sama ada Kerajaan mempunyai capacity untuk melaksanakan. Kedua, sama ada prinsip accountability wujud dan tanpa kedua-dua ini maka segala pemberian, segala perbelanjaan untuk mana-mana projek akan sia-sia sahaja.

Tuan Speaker, dalam soal capacity melaksanakan (implementation capacity) di masa-masa yang lampau kita dapat tahu bahawa beberapa bidang jentera Kerajaan baik peringkat negeri mahupun peringkat Persekutuan tidak dapat melaksanakan projek-projek sepertimana dikehendaki tidak dapat menunaikan tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh kerana tidak mempunyai capacity untuk melaksanakan.

Tuan Speaker, lack of implementation capacity tentu akan menggagalkan apa sahaja projek. Sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Kangar berkata tidak berguna kalau diperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk satu-satu projek tanpa mempunyai pegawai-pegawai ataupun kakitangan yang cekap dan ada pengalaman untuk melaksanakan projek itu. Jadi, di dalam soal implementation capacity ini, inilah yang Kerajaan hendak memastikan dahulu sama ada dengan memberi grant-grant ini Kerajaan itu khasnya Kerajaan-kerajaan yang mundur (backward) seperti Trengganu, Kedah, Perlis, Kelantan dan juga kawasan-kawasan dalam sesebuah negeri yang masih mundur Kerajaan hendaklah memastikan bahawa setiap Kerajaan negeri itu, setiap jabatan yang terlibat dalam soal melaksanakan projek ini mempunyai capacity. Tidaklah berguna \$10 juta diperuntukkan bagi satu projek. Katakan, projek A membekalkan air bagi satu kawasan tetapi dia tidak dapat dijalankan, tidak dapat dilaksanakan kerana Kerajaan negeri itu tidak mempunyai capacity untuk melaksanakan projek itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat suka hendak sambung esok?

Tuan P. Patto: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Jumaat, 12hb Oktober, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.